Negeri Terengganu terletak di Pantai Timur Semenanjung Malaysia dengan keluasan kira-kira 12,957.3 km², bersempadan dengan Kelantan dan Pahang. Berdasarkan Laporan Guna Tanah Terengganu 2022, keluasan guna tanah semasa pertanian adalah 426.0 ribu hektar (32.2%). Negeri ini juga berada di jajaran Laut China Selatan dengan jaluran pantainya sejauh 225 kilometer dari utara (Besut) ke selatan (Kemaman). Jaluran pantai ini menyokong aktiviti perikanan laut dan lebih daripada 20 sungai utama menyumbang kepada perikanan air tawar. Selain itu, kawasan luar bandar yang luas membolehkan aktiviti ternakan dijalankan secara kecil-kecilan sebagai sumber pendapatan dan makanan kepada penduduk tempatan.

Penduduk Negeri Terengganu pada 2023 dianggarkan seramai 1.2 juta orang dengan 97.2 peratus terdiri daripada warganegara dan 2.8 peratus adalah bukan warganegara. Negeri Terengganu mempunyai kepadatan penduduk 93 orang per kilometer persegi. Kadar pertumbuhan penduduk tahunan meningkat kepada 2.0 peratus pada 2023 berbanding 1.4 peratus pada 2022. Nisbah jantina adalah 105 lelaki bagi setiap 100 perempuan.

Pelancaran Pelan Strategik Pertanian Terengganu (PSPT) 2024–2030 merupakan panduan dalam usaha memperkasakan sektor Pertanian dengan memfokuskan kepada pemodenan, kelestarian dan kesejahteraan petani. Pelan ini diharap dapat melonjakkan sektor Pertanian sebagai salah satu penyumbang kepada KDNK Negeri.

3.0 PERANAN SEKTOR PERTANIAN DALAM EKONOMI TERENGGANU

Pada tahun 2023, sektor Pertanian di Terengganu mencatatkan nilai ditambah berjumlah RM2.8 bilion. Sektor Pertanian merupakan penyumbang ketiga terbesar kepada KDNK Terengganu dengan sumbangan sebanyak 7.4 peratus. Subsektor tanaman merupakan penyumbang terbesar kepada sektor Pertanian di Terengganu dengan sumbangan sebanyak 55.5 peratus. Ini diikuti oleh subsektor ternakan (16.4%), perikanan (15.6%) dan perhutanan & pembalakan (12.5%).



Sumber : Laporan Sosioekonomi Negeri Terengganu, 2023

Sumbangan KDNK Perubahan tahunan

Prestasi sektor Pertanian menunjukkan pertumbuhan 6.5 peratus pada tahun 2023, melantun daripada penyusutan 3.4 pada tahun sebelumnya. Pertumbuhan memberangsangkan ini disumbangkan oleh subsektor tanaman dan ternakan. Subsektor tanaman bertumbuh sebanyak 0.6 peratus berbanding negatif 8.1 peratus dipengaruhi oleh peningkatan dalam pengeluaran tanaman kelapa sawit. Subsektor ternakan merupakan aktiviti kedua terbesar dalam sektor pertanian di Terengganu terus mengukuh dengan pertumbuhan 23.4 peratus berbanding penyusutan pada tahun 2022 sebanyak 2.0%. Prestasi baik ini disumbangkan oleh aktiviti ternakan ayam dan itik. Subsektor perikanan turut mencatatkan peningkatan memberangsangkan iaitu 20.0 peratus berbanding 11.5 peratus pada tahun sebelumnya. Prestasi baik ini disumbangkan oleh peningkatan dalam aktiviti pendaratan ikan laut. Sebaliknya, subsektor perhutanan dan pembalakan mencatatkan penyusutan 0.2 peratus pada tahun 2023 berbanding pertumbuhan 4.2 peratus pada tahun sebelumnya.

4.0 EKSPORT DAN IMPORT PRODUK BERASASKAN PERTANIAN

Produk sarung tangan getah merupakan penyumbang terbesar kepada produk eksport pertanian Terengganu pada tahun 2023 yang berjumlah RM141 juta. Selain sarung tangan getah, beberapa produk pertanian lain turut menunjukkan prestasi eksport yang memberangsangkan. Kayu kumai mencatatkan nilai eksport sebanyak RM53 juta, diikuti oleh minyak kelapa sawit dengan nilai sebanyak RM49 juta, kayu gergaji (RM24 juta) dan oleokimia berasaskan kelapa sawit (RM7 juta).

Sektor Pertanian memainkan peranan penting dalam memastikan keselamatan makanan dan kestabilan ekonomi Terengganu. Namun, faktor permintaan yang semakin meningkat menyebabkan kebergantungan terhadap import produk pertanian turut meningkat. Gula daripada bit atau tebu merupakan produk import pertanian tertinggi di Terengganu pada tahun 2023 dengan nilai import sebanyak RM285 juta. Selain itu, beberapa produk pertanian lain turut merekodkan nilai import yang tinggi antaranya sayur-sayuran dengan nilai import sebanyak RM9 juta; diikuti oleh baja dikilangkan dengan nilai RM3 juta; krustasea & moluska segar, didinginkan, disejukbekukan, dikeringkan (RM1 juta); dan ikan, segar, didinginkan atau disejukbekukan (RM1 juta).

5.0 PARAMETER SEKTOR PERTANIAN TERENGGANU

5.1 PROFIL PEGANGAN PERTANIAN

Hasil Dapatan Banci Pertanian bagi Terengganu 2024 menunjukkan 73,051 pegangan pertanian direkodkan pada tahun 2023, merangkumi 72,367 pegangan pertanian individu (99.1%) dan 684 pegangan pertanian pertubuhan (0.9%).

Paparan 2

Pegangan Pertanian, Terengganu, 2023



PEGANGAN
PERTANIAN
(INDIVIDU)



PEGANGAN
PERTANIAN
(PERTUBUHAN)



PEGANGAN
PERTANIAN
(KESELURUHAN)

TERENGGANU	72,367	684	73,051
BESUT	13,881	76	13,957
SETIU	9,880	75	9,955
KUALA NERUS	8,988	35	9,023
MARANG	8,609	76	8,685
KUALA TERENGGANU	8,555	105	8,660
KEMAMAN	8,390	122	8,512
DUNGUN	7,719	110	7,829
HULU TERENGGANU	6,345	85	6,430

5.1.1 Kewarganegaraan

Daripada 72,367 pegangan pertanian individu di Terengganu, seramai 72,320 orang atau 99.9 peratus merupakan warganegara manakala 47 orang (0.1%) lagi terdiri daripada bukan warganegara.

Paparan 3 Pegangan Pertanian mengikut Kewarganegaraan, Terengganu, 2023



5.1.2 Jantina

Pegangan pertanian individu di Terengganu didominasi oleh lelaki iaitu 54,291 orang (75.0%) berbanding 18,076 perempuan (25.0%). Semua daerah merekodkan bilangan pegangan pertanian individu lelaki yang lebih tinggi berbanding perempuan.


Paparan 4 Pegangan Pertanian mengikut Jantina, Terengganu, 2023



5.1.3 Kumpulan Umur

Seramai 28,486 orang atau 39.4 peratus daripada pegangan pertanian individu adalah berumur 60 tahun dan ke atas. Ini diikuti oleh individu yang berumur 46 hingga 59 tahun (23,126 orang; 32.0%), 31 hingga 45 tahun (17,315 orang; 23.9%) dan 15 hingga 30 tahun (3,339 orang; 4.6%).

Carta 1 Pegangan Pertanian mengikut Umur, Terengganu, 2023



Tiada maklumat : 101

5.1.4 Kumpulan Etnik

Majoriti pegangan pertanian individu adalah daripada etnik Bumiputera dengan bilangan seramai 71,623 orang (99.0%) dan diikuti oleh Cina (610 orang; 0.8%). Selebihnya, adalah India (10 orang; 0.01%) dan lain-lain (77 orang; 0.1%).

Paparan 5 Pegangan Pertanian mengikut Kumpulan Etnik, Terengganu, 2023

 Bumiputera :	71,623 99.0%	 Cina :	610 0.8%
 India :	10 0.01%	 Lain-lain :	77 0.1%

5.1.5 Taraf Perkahwinan

Pegangan Pertanian mengikut taraf perkahwinan menunjukkan telah berkahwin (52,009 orang; 71.9%). Ini diikuti oleh balu/duda (10,660 orang; 14.7%), tidak pernah berkahwin (7,815 orang; 10.8%) dan bercerai/ berpisah (718 orang; 1.0%).

Paparan 6 Pegangan Pertanian mengikut Taraf Perkahwinan, Terengganu, 2023

 Tidak pernah berkahwin	7,815 10.8%	 Berkahwin	52,009 71.9%
 Balu/ Duda	10,660 14.7%	 Bercerai/ Berpisah	718 1.0%

Tiada maklumat : 1,165

5.1.6 Sijil Tertinggi

Seramai 37,561 orang atau 51.9 peratus pegangan pertanian individu mempunyai sijil pendidikan tertinggi peringkat menengah, diikuti oleh peringkat rendah (13,753 orang; 19.0%) dan tiada sijil (12,713 orang; 17.6%). Pegangan pertanian individu yang mempunyai pendidikan peringkat tertiar adalah seramai 7,175 orang (9.9%).

Paparan 7 Pegangan Pertanian mengikut Sijil Tertinggi, Terengganu, 2023

 Tertiar	 Menengah	 Rendah	 Tiada Sijil
7,175 9.9%	37,561 51.9%	13,753 19.0%	12,713 17.6%


Tiada maklumat : 1,165

5.2 KELUASAN BERTANAM

Jumlah keluasan bertanam pada tahun 2023 adalah seluas 226,968 hektar. Daripada jumlah tersebut, 167,106 hektar (73.6%) diusahakan oleh pegangan pertanian pertubuhan manakala 59,862 hektar (26.4%) oleh pegangan pertanian individu.

Paparan 8

Keluasan Bertanam mengikut Pegangan Pertanian, Terengganu, 2023




5.3 KELUASAN BERTUAI

Jumlah keluasan bertuai di Terengganu merekodkan 195,259 hektar. Daripada jumlah tersebut, keluasan bertuai bagi pegangan pertanian pertubuhan adalah seluas 143,633 hektar (73.6%) manakala keluasan bertuai bagi individu adalah 51,626 hektar (26.4%).

Paparan 9

Keluasan Bertuai mengikut Pegangan Pertanian, Terengganu, 2023




5.4 KUANTITI PENGELUARAN

5.4.1 Tanaman

Kuantiti pengeluaran bagi subsektor tanaman di Terengganu pada tahun 2023 mencatatkan 3,649,619 tan metrik. Pegangan pertanian pertubuhan merekodkan 3,219,635 tan metrik (88.2%) manakala 430,085 tan metrik (11.8%) direkodkan oleh pegangan pertanian individu.

Paparan 10

Kuantiti Pengeluaran
Subsektor Tanaman, Terengganu, 2023



5.4.2 Ternakan

Kuantiti pengeluaran bagi aktiviti haiwan hidup di Terengganu adalah sebanyak 13,465,721 ekor dengan 11,890,430 ekor disumbangkan oleh pegangan pertanian pertubuhan dan 1,575,291 ekor oleh pegangan pertanian individu. Kuantiti pengeluaran telur ayam/itik bagi Terengganu adalah 5,019,745 biji. Pegangan pertanian individu menyumbang sebanyak 4,997,720 biji manakala sebanyak 22,025 biji adalah daripada pegangan pertanian pertubuhan. Selain itu, kuantiti pengeluaran daripada hasil ternakan juga seperti susu segar dalam unit liter adalah sebanyak 703,620 liter di mana sebanyak 568,935 liter daripada pegangan pertanian pertubuhan dan 134,685 liter daripada pegangan pertanian individu. Kuantiti pengeluaran bagi hasil ternakan seperti madu/sarang walet ialah 30,113 kilogram dengan pegangan pertanian individu merekodkan sebanyak 19,485 kilogram dan pegangan pertanian pertubuhan sebanyak 10,628 kilogram.

Paparan 11

Kuantiti Pengeluaran mengikut Pegangan Pertanian,
Terengganu, 2023



	Ekor	Biji	Liter	Kilogram
Pegangan Pertanian	13,465,721	5,019,745	703,620	30,113
Individu	1,575,291	4,997,720	134,685	19,485
Pertubuhan	11,890,430	22,025	568,935	10,628

5.4.3 Perikanan Tangkapan

Subsektor perikanan tangkapan merekodkan kuantiti pengeluaran sebanyak 41,894 tan metrik. Pegangan pertanian individu merekodkan 38,692 tan metrik manakala 3,202 tan metrik direkodkan oleh pegangan pertanian pertubuhan.

Paparan 12

Kuantiti Pengeluaran Subsektor Perikanan Tangkapan, Terengganu, 2023





5.4.4 Akuakultur

Subsektor akuakultur merekodkan kuantiti pengeluaran sebanyak 12,500 tan metrik dan 94,144,226 ekor. Pegangan pertanian individu merekodkan 9,001 tan metrik manakala 3,499 tan metrik direkodkan oleh pegangan pertanian pertubuhan. Kuantiti pengeluaran bagi ekor pula, pegangan pertanian individu mencatatkan 21,476,592 ekor manakala pegangan pertanian pertubuhan mencatatkan 72,667,634 ekor.

Paparan 13

Kuantiti Pengeluaran Subsektor Akuakultur, Terengganu, 2023



5.4.5 Perhutanan & Pembalakan

Kuantiti pengeluaran bagi aktiviti pembalakan di Terengganu adalah sebanyak 390,264 meter padu. Daripada jumlah tersebut, pegangan pertanian individu menghasilkan 10 meter padu, manakala pegangan pertanian pertubuhan 390,154 meter padu. Kuantiti pengeluaran bagi hasil hutan bukan kayu pula direkodkan sebanyak 48,178 kilogram. Keseluruhan pengeluaran ini disumbangkan sepenuhnya oleh pegangan pertanian individu manakala tiada sumbangan direkodkan daripada pegangan pertanian pertubuhan.

Paparan 14

Kuantiti Pengeluaran Subsektor Perhutanan & Pembalakan, Terengganu, 2023

	Kilogram	Meter padu
 Pegangan Pertanian	48,178	390,264
 Individu	48,178	110
 Pertubuhan	-	390,154

5.5 KUANTITI DAN NILAI JUALAN

5.5.1 Tanaman

Secara keseluruhannya, kuantiti jualan bagi subsektor tanaman di Terengganu pada tahun 2023 mencatatkan 3,621,844 tan metrik manakala nilai jualan bagi subsektor tanaman direkodkan sebanyak RM4,030,949,016. Pegangan pertanian dan nilai jualan bagi individu merekodkan 402,864 tan metrik bernilai RM969,860,589 manakala 3,218,979 tan metrik yang bernilai 3,061,088,427 direkodkan oleh pegangan pertanian pertubuhan.

Paparan 15

Kuantiti dan Nilai Jualan Subsektor Tanaman, Terengganu, 2023

	Kuantiti Jualan (Tan Metrik)	Nilai Jualan (RM)
 Pegangan Pertanian	3,621,844	4,030,949,016
 Individu	402,864	969,860,589
 Pertubuhan	3,218,979	3,061,088,427

5.5.2 Ternakan

Kuantiti jualan bagi haiwan hidup adalah 12,687,128 ekor dengan 11,349,047 ekor disumbangkan oleh pegangan pertanian pertubuhan dan 1,338,081 ekor oleh pegangan pertanian individu. Kuantiti jualan telur ayam/itik bagi Terengganu adalah 4,018,434 biji. Pegangan pertanian individu menyumbang sebanyak 3,996,809 biji manakala sebanyak 21,625 biji adalah daripada pegangan pertanian pertubuhan. Selain itu, kuantiti jualan daripada hasil ternakan juga seperti susu segar dalam unit liter adalah sebanyak 687,666 liter di mana sebanyak 559,602 liter daripada pegangan pertanian pertubuhan dan 128,064 liter daripada pegangan pertanian individu. Manakala kuantiti jualan madu/sarang walet ialah 28,194 kilogram dengan pegangan pertanian individu merekodkan sebanyak 17,796 kilogram dan pegangan pertanian pertubuhan sebanyak 10,398 kilogram. Nilai jualan bagi haiwan hidup dan hasil ternakan adalah sebanyak RM403,721,416.

Paparan 16

Kuantiti dan Nilai Jualan Subsektor Ternakan mengikut Pegangan Pertanian, Terengganu, 2023

	Ekor	Biji	Liter	Kilogram	Nilai Jualan
 Pegangan Pertanian	12,687,128	4,018,434	687,666	28,194	403,721,416
 Individu	1,338,081	3,996,809	128,064	17,796	210,777,152
 Pertubuhan	11,349,047	21,625	559,602	10,398	192,944,264

5.5.3 Perikanan Tangkapan

Kuantiti jualan bagi subsektor perikanan tangkapan merekodkan 29,222 tan metrik dengan 26,039 tan metrik disumbangkan oleh pegangan pertanian individu manakala pegangan pertanian pertubuhan pula menyumbang sebanyak 3,183 tan metrik. Jumlah keseluruhan nilai jualan bagi subsektor perikanan mencatatkan RM438,887,911 dengan sumbangan daripada pegangan pertanian individu sebanyak RM364,871,800 manakala pegangan pertanian pertubuhan menyumbang sebanyak RM74,016,110.

Paparan 17

Kuantiti dan Nilai Jualan Subsektor Perikanan Tangkapan mengikut Pegangan Pertanian, Terengganu, 2023



	Kuantiti Jualan (Tan Metrik)	Nilai Jualan (RM)
Pegangan Pertanian	29,222	438,887,911
Individu	26,039	364,871,800
Pertubuhan	3,183	74,016,110

5.5.4 Akuakultur

Kuantiti jualan bagi subsektor akuakultur merekodkan 10,157 tan metrik dan 87,081,101 ekor dimana 7,418 tan metrik dan 15,701,429 ekor disumbangkan oleh pegangan pertanian individu manakala pegangan pertanian pertubuhan pula menyumbang sebanyak 2,739 tan metrik dan 71,379,672 ekor. Jumlah keseluruhan nilai jualan bagi subsektor akuakultur mencatatkan RM251,542,120 dengan sumbangan daripada pegangan pertanian individu sebanyak RM129,755,550 manakala pegangan pertanian pertubuhan menyumbang sebanyak RM121,786,570.

Paparan 18

Kuantiti dan Nilai Jualan Subsektor Akuakultur mengikut Pegangan Pertanian, Terengganu, 2023



	Tan Metrik	Ekor	Nilai Jualan (RM)
Pegangan Pertanian	10,157	87,081,101	251,542,120
Individu	7,418	15,701,429	129,755,550
Pertubuhan	2,739	71,379,672	121,786,570

5.5.5 Perhutanan & Pembalakan

Kuantiti jualan bagi aktiviti pembalakan dan hasil hutan bukan kayu di Terengganu masing-masing sebanyak 44,023 kilogram dan 390,164 meter padu. Subsektor perhutanan dan pembalakan di Terengganu mencatatkan nilai keseluruhan jualan sebanyak RM265,871,558.

Paparan 19

Kuantiti dan Nilai Jualan Subsektor Perhutanan & Pembalakan mengikut Pegangan Pertanian, Terengganu, 2023

	Kilogram	Meter padu	Nilai Jualan
 Pegangan Pertanian	44,023	390,164	265,871,558
 Individu	44,023	10	1,899,175
 Pertubuhan	-	390,154	263,972,383

5.6 GUNATENAGA

Jumlah gunatenaga dalam sektor pertanian pada tahun 2023 adalah seramai 98,910 orang. Dari segi pecahan pegangan pertanian individu, jumlah gunatenaga yang direkodkan adalah 88,610 orang dan pertubuhan 10,300 orang.

Paparan 20

Gunatenaga Sektor Pertanian mengikut Pegangan Pertanian, Terengganu, 2023

Jumlah 98,910		Individu 88,610 (89.6%)		Pertubuhan 10,300 (11.6%)	
------------------	---	-------------------------------	---	---------------------------------	---

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong



SUBSEKTOR TANAMAN

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong


6.0 SUBSEKTOR TANAMAN

6.1 PROFIL PEGANGAN PERTANIAN

Hasil dapatan Banci Pertanian 2024 menunjukkan bahawa sebanyak 58,435 pegangan pertanian direkodkan pada tahun 2023, merangkumi pegangan pertanian individu 58,011 dan 424 pegangan pertanian pertubuhan. Tanaman buah-buahan mencatatkan bilangan pengusaha tertinggi iaitu 17,691 dan bilangan individu tertinggi iaitu sebanyak 17,610 orang manakala tanaman kelapa sawit mencatatkan bilangan pertubuhan tertinggi iaitu sebanyak 206.

Carta 2

Pegangan Pertanian mengikut Jenis Tanaman, Terengganu, 2023



6.1.1 Kewarganegaraan

Daripada 58,011 pegangan pertanian individu di Terengganu, seramai 57,964 orang atau 99.9 peratus merupakan warganegara manakala 47 orang (0.1%) lagi terdiri daripada bukan warganegara.

Paparan 21

Pegangan Pertanian Subsektor Tanaman mengikut Kewarganegaraan, Terengganu, 2023



Warganegara
57,964
(99.9%)



Bukan Warganegara
47
(0.1%)

6.1.2 Jantina

Pegangan pertanian individu di Terengganu didominasi oleh lelaki iaitu 41,196 orang (71.0%) berbanding 16,815 perempuan (29.0%). Semua daerah merekodkan bilangan pegangan pertanian individu lelaki yang lebih tinggi berbanding perempuan.

Paparan 22

Pegangan Pertanian Subsektor Tanaman mengikut Jantina, Terengganu, 2023




6.1.3 Kumpulan Umur

Seramai 23,872 orang atau 41.2 peratus daripada pegangan pertanian individu adalah berumur 60 tahun dan ke atas, diikuti oleh individu yang berumur 46 hingga 59 tahun (18,334 orang; 31.6%), 31 hingga 45 tahun (13,379 orang; 23.1%) dan 15 hingga 30 tahun (2,325 orang; 4.0%).

Carta 3

Pegangan Pertanian Subsektor Tanaman mengikut Kumpulan Umur, Terengganu, 2023



6.1.4 Kumpulan Etnik

Majoriti pegangan pertanian individu adalah daripada bumiputera dengan bilangan seramai 57,381 orang (99.0%), diikuti oleh cina (530 orang; 0.9%), lain-lain (46 orang; 0.1%) dan india (7 orang; 0.01%).


Paparan 23

Pegangan Pertanian Subsektor Tanaman mengikut Kumpulan Etnik, Terengganu, 2023




6.1.5 Taraf Perkahwinan

Majoriti pegangan pertanian individu terdiri daripada mereka yang telah berkahwin (41,149 orang; 70.9%), diikuti oleh balu/duda (9,187 orang; 15.8%), tidak pernah berkahwin (5,926 orang; 10.2%) dan bercerai/berpisah (584 orang; 1.0%).




6.1.6 Sijil Tertinggi Diperoleh

Seramai 29,585 orang atau 51.0 peratus pegangan pertanian individu mempunyai sijil pendidikan peringkat menengah, diikuti oleh tiada sijil (10,594 orang; 18.3%) dan peringkat rendah (10,732 orang; 18.5%). Pegangan pertanian individu yang mempunyai pendidikan peringkat tertiar pula berjumlah 5,935 orang (10.2%).



6.2 KELUASAN BERTANAM

Jumlah keluasan bertanam pada tahun 2023 adalah 226,968 hektar. Daripada jumlah tersebut, 59,862 hektar diusahakan oleh pegangan pertanian individu manakala 167,106 hektar oleh pegangan pertanian pertubuhan. Tanaman kelapa sawit mencatatkan keluasan bertanam tertinggi iaitu 176,851 hektar, diikuti oleh tanaman getah (18,031 hektar) dan tanaman padi (15,858 hektar).




6.3 KELUASAN BERTUAI

Jumlah keluasan bertuai di Terengganu merekodkan 195,259 hektar. Daripada jumlah tersebut, keluasan bertuai bagi pegangan pertanian individu adalah 51,626 hektar manakala keluasan bertuai bagi pertubuhan adalah 143,633 hektar. Tanaman kelapa sawit mencatatkan keluasan bertuai tertinggi iaitu 154,583 hektar, diikuti oleh tanaman getah (15,836 hektar) dan tanaman padi (10,578 hektar).

Paparan 27

Keluasan Bertuai Subsektor Tanaman mengikut Pegangan Pertanian, Terengganu, 2023



Jadual 1

Keluasan Bertuai mengikut Jenis Tanaman, Terengganu, 2023


Jenis Tanaman	Keluasan bertanam (ha)	Keluasan bertuai (ha)
Kelapa Sawit	176,851	154,583
Getah	18,031	15,836
Padi	15,858	10,578
Buah-buahan	8,600	8,075
Tanaman Lain	4,512	3,917
Sayur-sayuran	2,156	1,936
Lada	586	6
Nanas	197	165
Kenaf	174	159
Koko	3	3

6.4 KUANTITI PENGELUARAN

Kuantiti pengeluaran bagi subsektor tanaman di Terengganu direkodkan sebanyak 3,649,619 tan metrik. Tanaman kelapa sawit merupakan penyumbang terbesar bagi kuantiti pengeluaran subsektor tanaman di Terengganu iaitu 3,414,689 tan metrik, diikuti oleh tanaman padi (71,515 tan metrik) dan buah-buahan (65,529 tan metrik).

Paparan 28

Kuantiti Pengeluaran mengikut Jenis Tanaman, Terengganu, 2023



6.5 KUANTITI DAN NILAI JUALAN

Pada tahun 2023, jumlah keseluruhan kuantiti jualan hasil tanaman Terengganu direkodkan sebanyak 3,621,844 tan metrik. Tanaman kelapa sawit merupakan penyumbang terbesar bagi kuantiti jualan subsektor tanaman di Terengganu iaitu 3,414,689 tan metrik, diikuti oleh tanaman buah-buahan (60,774 tan metrik) dan padi (58,978 tan metrik). Jumlah keseluruhan nilai jualan hasil tanaman Terengganu direkodkan sebanyak RM4,030,949,016 pada tahun 2023. Tanaman kelapa sawit merupakan penyumbang terbesar bagi kuantiti jualan subsektor tanaman di Terengganu iaitu RM3,162,590,617, diikuti oleh tanaman buah-buahan (RM463,349,309) dan sayur-sayuran (RM161,116,124).

Jadual 2

Kuantiti dan Nilai Jualan mengikut Jenis Tanaman,
Terengganu, 2023

Jenis Tanaman	Kuantiti Jualan (mt)	Nilai Jualan (RM)
Kelapa Sawit	3,414,689	3,162,590,617
Buah-buahan	60,774	463,349,309
Padi	58,978	78,539,247
Tanaman Lain	41,528	63,247,141
Sayur-sayuran	27,302	161,116,124
Getah	12,105	83,537,136
Nanas	6,172	18,297,623
Kenaf	286	57,280
Lada	9	211,923
Koko	0.3	2,616

6.6 PARAMETER SUBSEKTOR TANAMAN MENGIKUT DAERAH PENTADBIRAN

6.6.1 Pegangan Pertanian

Besut mempunyai bilangan pegangan pertanian tertinggi iaitu 11,343 diikuti oleh Setiu dan Kuala Nerus dengan bilangan pegangan pertanian masing-masing 8,222 dan 7,314.

Paparan 29

Pegangan Pertanian Subsektor Tanaman mengikut
Daerah Pentadbiran, Terengganu, 2023



PEGANGAN
PERTANIAN
(INDIVIDU)



PEGANGAN
PERTANIAN
(PERTUBUHAN)




PEGANGAN
PERTANIAN
(KESELURUHAN)

TERENGGANU	58,011	424	58,435
BESUT	11,300	43	11,343
SETIU	8,177	45	8,222
KUALA NERUS	7,288	26	7,314
MARANG	6,845	42	6,887
KUALA TERENGGANU	6,808	67	6,875
DUNGUN	6,404	60	6,464
HULU TERENGGANU	5,656	52	5,708
KEMAMAN	5,533	89	5,622


6.6.2 Keluasan Bertanam dan Keluasan Bertuai

Kemaman mencatatkan jumlah keluasan bertanam dan bertuai tertinggi masing-masing sebanyak 76,403 hektar dan 68,037 hektar. Ini diikuti oleh Setiu dan Dungun dengan keluasan bertanam 36,180 hektar dan 32,440 hektar. Manakala bagi keluasan bertuai pula masing-masing mencatatkan 31,685 hektar dan 27,611 hektar.



6.6.3 Kuantiti Pengeluaran

Kuantiti pengeluaran subsektor tanaman di Terengganu mencatatkan 3,649,619 tan metrik. Daerah Kemaman merupakan daerah yang mencatatkan jumlah kuantiti pengeluaran tertinggi iaitu sebanyak 1,442,608. Daerah Setiu dengan jumlah kauntiti pengeluaran sebanyak 581,124, diikuti oleh Dungun yang mencatatkan 562,195.



6.6.4 Kuantiti dan Nilai Jualan Subsektor Tanaman

Tiga daerah utama yang merekodkan kuantiti jualan tertinggi ialah Kemaman iaitu 1,440,553 tan metrik diikuti oleh Setiu (577,861 tan metrik) dan Dungun (561,454 tan metrik). Tiga daerah utama yang merekodkan nilai jualan tertinggi ialah Kemaman iaitu RM1,532,074,388 diikuti oleh Setiu (RM598,179,658) dan Dungun (RM582,230,556).

Paparan 31

Kuantiti dan Nilai Jualan Subsektor Tanaman mengikut Daerah Pentadbiran, Terengganu, 2023

KUANTITI JUALAN (MT)

NILAI JUALAN (RM)

1,440,553 KEMAMAN		1,532,074,388 KEMAMAN
577,861 SETIU		598,179,658 SETIU
561,454 DUNGUN		582,230,556 DUNGUN
475,975 HULU TERENGGANU		501,385,102 HULU TERENGGANU
214,501 BESUT		360,520,192 BESUT
188,334 MARANG		208,273,756 MARANG
116,333 KUALA NERUS		169,587,722 KUALA NERUS
46,834 KUALA TERENGGANU		78,697,643 KUALA TERENGGANU


6.7 PARAMETER SUBSEKTOR TANAMAN MENGIKUT JENIS TANAMAN

6.7.1 Tanaman Kelapa Sawit

6.7.1.1 Profil Pegangan Pertanian

Dapatan daripada Banci Pertanian 2024 mencatatkan pegangan pertanian bagi tanaman kelapa sawit mengikut lokasi pertanian di Terengganu adalah 6,977. Pegangan pertanian individu merekodkan sebanyak 6,771 pengusaha manakala 206 adalah dalam kategori pertubuhan.

Paparan 32 Pegangan Pertanian Tanaman Kelapa Sawit mengikut Daerah Pentadbiran, Terengganu, 2023




6.7.1.2 Keluasan Bertanam dan Bertuai

Jumlah keluasan bertanam bagi tanaman kelapa sawit di Terengganu pada tahun 2023 adalah 176,851 hektar dan keluasan bertuai 154,583 hektar. Kemaman mencatatkan keluasan bertanam dan bertuai tertinggi iaitu 71,762 hektar dan 63,671 hektar.

Paparan 33

Keluasan Bertanam dan Bertuai Tanaman Kelapa Sawit mengikut Daerah Pentadbiran, Terengganu, 2023




6.7.1.3 Kuantiti Pengeluaran

Kuantiti pengeluaran bagi tanaman kelapa sawit di Terengganu direkodkan sebanyak 3,414,689 tan metrik. Tiga daerah utama yang mencatatkan kuantiti pengeluaran tertinggi bagi sektor tanaman sawit adalah Kemaman iaitu 1,417,078 tan metrik, Setiu sebanyak 553,315 tan metrik dan Dungun sebanyak 543,760 tan metrik.

Paparan 34

Kuantiti Pengeluaran Tanaman Kelapa Sawit mengikut Daerah Pentadbiran, Terengganu, 2023




6.7.1.4 Kuantiti dan Nilai Jualan

Pada tahun 2023, jumlah keseluruhan kuantiti hasil tanaman kelapa sawit Terengganu direkodkan sebanyak 3,414,689 tan metrik dengan nilai jualan RM3,162,590,617. Tiga daerah utama yang merekodkan kuantiti dan jualan tertinggi ialah Kemaman sebanyak 1,417,078 tan metrik dengan nilai jualan RM1,320,543,581, diikuti oleh Setiu iaitu 553,315 tan metrik dengan nilai jualan RM508,212,486 dan Dungun iaitu 543,760 tan metrik dengan nilai jualan RM504,097,779.

Carta 5

Kuantiti dan Nilai Jualan Tanaman Kelapa Sawit mengikut Daerah Pentadbiran, Terengganu, 2023




6.7.2 Tanaman getah

6.7.2.1 Profil Pegangan Pertanian

Dapatan daripada Banci Pertanian 2024 mencatatkan pegangan pertanian bagi tanaman getah mengikut lokasi pertanian di Terengganu adalah 15,343. Pegangan pertanian individu merekodkan sebanyak 15,334 pengusaha dan manakala sembilan adalah dalam kategori pertubuhan.


Paparan 35

Pegangan Pertanian Tanaman Getah mengikut Daerah Pentadbiran, Terengganu, 2023



6.7.2.2 Keluasan Bertanam dan Bertuai


Jumlah keluasan bertanam tanaman getah di Terengganu pada tahun 2023 adalah 18,031 hektar dan keluasan bertuai 15,836 hektar. Besut mencatatkan keluasan bertanam dan bertuai tertinggi iaitu 4,878 hektar dan 4,534 hektar.



6.7.2.3 Kuantiti Pengeluaran

Kuantiti pengeluaran bagi tanaman getah di Terengganu direkodkan sebanyak 12,105 tan metrik. Tiga daerah utama yang mencatatkan kuantiti pengeluaran tertinggi bagi sektor tanaman getah adalah Besut iaitu 3,473 tan metrik, Setiu (2,805 tan metrik) dan Hulu Terengganu (1,790 tan metrik).

Paparan 37 Kuantiti Pengeluaran Tanaman Getah mengikut Daerah Pentadbiran, Terengganu, 2023




6.7.2.4 Kuantiti dan Nilai Jualan

Pada tahun 2023, jumlah keseluruhan kuantiti hasil tanaman getah pada tahun 2023, jumlah keseluruhan kuantiti hasil tanaman getah Terengganu direkodkan sebanyak 12,105 tan metrik dengan nilai jualan RM83,537,136. Tiga daerah utama yang merekodkan kuantiti dan nilai jualan tertinggi ialah Besut iaitu 3,473 tan metrik dengan nilai jualan RM21,804,191 diikuti oleh Setiu iaitu 2,805 tan metrik dengan nilai jualan RM17,975,841 dan Hulu Terengganu iaitu 1,790 tan metrik dengan nilai jualan RM11,962,619.

Carta 5

Kuantiti dan Nilai Jualan Tanaman Getah mengikut Daerah Pentadbiran, Terengganu, 2023




6.7.3 Tanaman padi

6.7.3.1 Profil Pegangan Pertanian

Bilangan pegangan pertanian tanaman padi di Terengganu adalah sejumlah 5,190 pegangan. Pegangan pertanian tanaman padi mengikut lokasi tanaman bagi pegangan pertanian individu ialah seramai 5,181 orang dan 9 pegangan pertanian pertubuhan.


Paparan 38 Pegangan Pertanian Tanaman Padi mengikut Daerah Pentadbiran, Terengganu, 2023



6.7.3.2 Keluasan Bertanam dan Bertuai

Jumlah keluasan bertanam bagi tanaman padi di Terengganu pada tahun 2023 adalah 15,858 hektar dan keluasan bertuai 10,578 hektar. Besut mencatatkan keluasan bertanam dan bertuai tertinggi iaitu 13,020 hektar dan 8,081 hektar.

Paparan 39 Keluasan Bertanam dan Bertuai Tanaman Padi mengikut Daerah Pentadbiran, Terengganu, 2023



6.7.3.3 Kuantiti Pengeluaran

Pada tahun 2023, sektor tanaman padi merekodkan jumlah keseluruhan pengeluaran sebanyak 71,515 tan metrik yang merupakan gabungan hasil daripada pegangan pertanian individu dan pertubuhan. Daripada jumlah tersebut 71,142 tan metrik adalah hasil dari pegangan pertanian individu manakala pegangan pertubuhan sebanyak 373 tan metrik. Tiga daerah utama yang merekodkan kuantiti pengeluaran tertinggi ialah Besut dengan 63,403 tan metrik, Setiu dengan 3,982 tan metrik diikuti oleh Marang dengan 1,852 tan metrik.

Paparan 40

Kuantiti Pengeluaran Tanaman Padi mengikut Daerah Pentadbiran, Terengganu, 2023



6.7.3.4 Kuantiti dan Nilai Jualan

Pada tahun 2023, jumlah keseluruhan kuantiti jualan hasil tanaman padi di Terengganu direkodkan sebanyak 58,978 tan metrik dengan nilai jualan RM78,539,247. Besut merekodkan kuantiti jualan tertinggi sebanyak 54,665 tan metrik dengan nilai jualan RM72,632,753 diikuti Setiu dengan kuantiti jualan sebanyak 2,176 tan metrik dan nilai jualan RM2,766,256 dan Kuala Nerus dengan 941 tan metrik dan nilai jualan RM1,334,012.

Carta 6

Kuantiti dan Nilai Jualan Tanaman Padi mengikut Daerah Pentadbiran, Terengganu, 2023




6.7.4 Tanaman Nanas

6.7.4.1 Profil Pegangan Pertanian

Bilangan pegangan pertanian tanaman nanas di Terengganu adalah 429 pegangan. Pegangan pertanian mengikut lokasi tanaman bagi pegangan pertanian individu ialah seramai 422 orang dan 7 pegangan pertanian pertubuhan.


Paparan 41 Pegangan Pertanian Tanaman Nanas mengikut Daerah Pentadbiran, Terengganu, 2023



6.7.4.2 Keluasan Bertanam dan Bertuai


Jumlah keluasan bertanam bagi tanaman nanas di Terengganu pada tahun 2023 adalah 197 hektar dan keluasan bertuai 165 hektar. Setiu mencatatkan keluasan bertanam dan bertuai tertinggi iaitu 63 hektar dan 48 hektar.

Paparan 42 Keluasan Bertanam dan Bertuai Tanaman Nanas mengikut Daerah Pentadbiran, Terengganu, 2023



6.7.4.3 Kuantiti Pengeluaran

Pada tahun 2023, sektor tanaman nanas merekodkan jumlah kuantiti pengeluaran sebanyak 6,297 tan metrik yang meliputi pegangan pertanian isirumah sebanyak 5,620 tan metrik dan pegangan pertanian pertubuhan sebanyak 677 tan metrik. Tiga daerah utama yang merekodkan kuantiti pengeluaran tertinggi ialah Setiu dengan 1,888 tan metrik, Kemaman dengan 802 tan metrik dan Kuala Terengganu dengan 752 tan metrik.



6.7.4.4 Kuantiti dan Nilai Jualan

Pada tahun 2023, jumlah keseluruhan kuantiti jualan hasil tanaman nanas di Terengganu direkodkan sebanyak 6,172 tan metrik dengan nilai jualan RM18,297,623. Tiga daerah utama yang merekodkan kuantiti jualan tertinggi ialah Setiu dengan 1,839 tan metrik, Kemaman dengan 792 tan metrik dan Kuala Terengganu 742 tan metrik. Besut merekodkan nilai jualan tertinggi sebanyak RM5,437,556 diikuti Setiu sebanyak RM2,377,201 dan Kuala Nerus sebanyak RM2,188,709.




6.7.5 Tanaman Kenaf

6.7.5.1 Profil Pegangan Pertanian

Dapatan daripada Banci Pertanian 2024 mencatatkan pegangan pertanian bagi tanaman kenaf mengikut lokasi pertanian di Terengganu adalah 126 pengusaha individu.

Paparan 44

Pegangan Pertanian Tanaman Kenaf mengikut Daerah Pentadbiran, Terengganu, 2023



6.7.5.2 Keluasan Bertanam dan Bertuai

Jumlah keluasan bertanam tanaman kenaf di Terengganu pada tahun 2023 adalah 174 hektar dan keluasan bertuai 159 hektar. Setiu mencatatkan keluasan bertanam dan bertuai yang tertinggi iaitu 71 hektar dan 69 hektar.

Paparan 45

Keluasan Bertanam dan Bertuai Tanaman Kenaf mengikut Daerah Pentadbiran, Terengganu, 2023



Nota : Keluasan bertanam
Keluasan bertuai

6.7.5.3 Kuantiti Pengeluaran

Kuantiti pengeluaran bagi tanaman kenaf di Terengganu direkodkan sebanyak 1,594 tan metrik. Daerah yang mencatatkan kuantiti pengeluaran tertinggi bagi sektor tanaman kenaf adalah Setiu iaitu 695 tan metrik, Besut sebanyak 621 tan metrik dan Marang sebanyak 274 tan metrik.



6.7.5.4 Kuantiti dan Nilai Jualan

Pada tahun 2023, jumlah keseluruhan kuantiti hasil tanaman kenaf Terengganu direkodkan sebanyak 286 tan metrik dengan nilai jualan RM57,280. Daerah yang merekodkan kuantiti dan jualan tertinggi ialah Setiu iaitu 121 tan metrik dengan nilai jualan RM24,257 diikuti oleh Besut iaitu 114 tan metrik dengan nilai jualan RM22,776, Marang iaitu 50 tan metrik dengan nilai jualan RM10,063 dan Kuala Nerus iaitu 1 tan metrik dengan nilai jualan RM184.




6.7.6 Tanaman Lada

6.7.6.1 Profil Pegangan Pertanian

Bilangan pegangan pertanian tanaman lada di Terengganu adalah sejumlah 24 pegangan. Pegangan pertanian tanaman lada mengikut lokasi tanaman bagi pegangan pertanian individu ialah seramai 21 orang dan tiga pegangan pertanian pertubuhan.

Paparan 47

Pegangan Pertanian Tanaman Lada mengikut Daerah Pentadbiran, Terengganu, 2023



6.7.6.2 Keluasan Bertanam dan Bertuai

Jumlah keluasan bertanam tanaman lada adalah seluas 586 hektar dan keluasan bertuai seluas 6 hektar. Setiu mencatatkan keluasan bertanam tertinggi seluas 580 hektar melalui pegangan pertubuhan diikuti dengan Dungun (3 hektar), Marang (2 hektar) dan Kemaman (1 hektar) manakala keluasan bertuai tertinggi ialah Dungun seluas 3 hektar diikuti Marang (2 hektar) dan Kemaman (1 hektar).

Paparan 48

Keluasan Bertanam dan Bertuai Tanaman Lada mengikut Daerah Pentadbiran, Terengganu, 2023



Nota : Keluasan bertanam
Keluasan bertuai


6.7.6.3 Kuantiti Pengeluaran

Pada tahun 2023, sektor tanaman lada merekodkan jumlah keseluruhan pengeluaran sebanyak 11,962 kilogram. Pegangan pertanian isirumah menyumbang kepada 6,562 kilogram manakala pegangan pertanian pertubuhan menyumbang kepada 5,400 kilogram. Tiga daerah utama yang merekodkan kuantiti pengeluaran tertinggi ialah Dungun dengan 9,341 kilogram, Marang dengan 1,448 kilogram diikuti oleh Kemaman 989 kilogram.



6.7.6.4 Kuantiti dan Nilai Jualan

Pada tahun 2023, jumlah keseluruhan kuantiti jualan hasil tanaman lada di Terengganu direkodkan sebanyak 9,411 kilogram dengan nilai jualan RM211,922. Tiga daerah utama yang merekodkan kuantiti dan jualan tertinggi ialah Dungun (6,880 kilogram), diikuti oleh Marang (1,429 kilogram) dan Kemaman (923 kilogram) dengan nilai jualan Dungun sebanyak RM153,742, Marang sebanyak RM32,859 dan diikuti oleh Kemaman sebanyak RM21,221.




6.7.7 Tanaman Koko

6.7.7.1 Profil Pegangan Pertanian

Bilangan pegangan pertanian tanaman koko di Terengganu adalah sejumlah enam pegangan. Pegangan pertanian tanaman koko mengikut lokasi tanaman bagi pegangan pertanian isi rumah ialah seramai lima orang dan satu pegangan pertanian pertubuhan.

Paparan 50

Pegangan Pertanian Tanaman Koko mengikut Daerah Pentadbiran, Terengganu, 2023



6.7.7.2 Keluasan Bertanam dan Bertuai

Jumlah keluasan bertanam tanaman koko adalah seluas 3 hektar dan keluasan bertuai seluas 3 hektar. Besut dan Marang mencatatkan keluasan bertanam dan keluasan tuaian seluas 1 hektar.

Paparan 51

Keluasan Bertanam dan Bertuai Tanaman Koko mengikut Daerah Pentadbiran, Terengganu, 2023



Nota : Keluasan bertanam
Keluasan bertuai

6.7.7.3 Kuantiti Pengeluaran

Pada tahun 2023, sektor tanaman koko merekodkan jumlah keseluruhan pengeluaran sebanyak 260 kilogram yang merupakan gabungan hasil daripada pegangan pertanian individu dan pertubuhan. Daripada jumlah tersebut 210 kilogram adalah hasil dari pegangan pertanian individu manakala pegangan pertubuhan adalah sebanyak 50 kilogram. Tiga daerah utama yang merekodkan kuantiti pengeluaran tertinggi ialah Marang sebanyak 116 kilogram, Besut sebanyak 98 kilogram diikuti oleh Hulu Terengganu sebanyak 46 kilogram.



6.7.7.4 Kuantiti dan Nilai Jualan

Pada tahun 2023, jumlah keseluruhan kuantiti jualan hasil tanaman koko di Terengganu direkodkan sebanyak 260 kilogram dengan nilai jualan RM2,616. Marang merekodkan kuantiti pengeluaran tertinggi sebanyak 116 kilogram dengan nilai jualan RM1,164 diikuti dengan Besut sebanyak 98 kilogram dengan nilai jualan RM987 dan Hulu Terengganu sebanyak 46 kilogram dengan nilai jualan RM465.



6.7.8 Tanaman Buah-buahan

6.7.8.1 Profil Pegangan Pertanian

Jumlah pegangan pertanian tanaman buah-buahan di Terengganu adalah 17,691. Pegangan pertanian individu adalah 17,610 dan pertubuhan adalah 81 pegangan.

Paparan 53


Pegangan Pertanian Tanaman Buah-buahan mengikut Daerah Pentadbiran, Terengganu, 2023

	Pegangan Pertanian : 17,691 Individu : 17,610 Pertubuhan : 81
	Besut Pegangan Pertanian : 1,541 Individu : 1,535 Pertubuhan : 6
	Dungun Pegangan Pertanian : 2,460 Individu : 2,445 Pertubuhan : 15
	Kemaman Pegangan Pertanian : 1,990 Individu : 1,985 Pertubuhan : 5
	Kuala Terengganu Pegangan Pertanian : 3,398 Individu : 3,383 Pertubuhan : 15
	Marang Pegangan Pertanian : 2,952 Individu : 2,940 Pertubuhan : 12
	Hulu Terengganu Pegangan Pertanian : 1,036 Individu : 1,026 Pertubuhan : 10
	Setiu Pegangan Pertanian : 1,196 Individu : 1,186 Pertubuhan : 10
	Kuala Nerus Pegangan Pertanian : 3,118 Individu : 3,110 Pertubuhan : 8

6.7.8.2 Keluasan Bertanam dan Bertuai

Jumlah keluasan bertanam tanaman buah-buahan di Terengganu pada tahun 2023 adalah 8,600 hektar dan keluasan bertuai 8,075 hektar. Besut mencatatkan keluasan bertanam dan bertuai tertinggi iaitu 2,094 hektar dan 1,921 hektar, diikuti dengan daerah Kemaman dengan keluasan bertanam dan bertuai masing-masing 1,602 dan 1,513.


Paparan 54 Keluasan Bertanam Dan Bertuai Tanaman Buah-Buahan Mengikut Daerah Pentadbiran,



6.7.8.3 Kuantiti Pengeluaran

Kuantiti pengeluaran bagi tanaman buah-buahan di Terengganu direkodkan sebanyak 65,529 tan metrik. Tiga daerah utama yang mencatatkan kuantiti pengeluaran tertinggi bagi sektor tanaman buah-buahan adalah Besut iaitu 15,115 tan metrik, Kemaman sebanyak 11,673 tan metrik dan Setiu sebanyak 11,289 tan metrik.

Paparan 55 Kuantiti Pengeluaran Tanaman Buah-Buahan mengikut Daerah Pentadbiran, Terengganu, 2023



6.7.8.4 Kuantiti dan Nilai Jualan

Pada tahun 2023, jumlah keseluruhan kuantiti hasil tanaman buah-buahan Terengganu direkodkan sebanyak 60,775 tan metrik dengan nilai jualan RM463,349,308. Tiga daerah utama yang merekodkan kuantiti jualan tertinggi ialah Besut iaitu 14,608 tan metrik dengan nilai jualan RM102,291,220 diikuti oleh Setiu iaitu 11,041 tan metrik dengan nilai jualan RM33,484,724 dan Kemaman iaitu 10,309 tan metrik dengan nilai jualan RM149,793,503.

Carta

11

Kuantiti Dan Nilai Jualan Tanaman Buah-Buahan mengikut Daerah Pentadbiran, Terengganu, 2023




6.7.9 Tanaman Sayur-sayuran

6.7.9.1 Profil Pegangan Pertanian

Bilangan pegangan pertanian tanaman sayur-sayuran di Terengganu adalah 6,813 yang terdiri daripada 6,684 individu dan 129 pertubuhan

Paparan 56

Pegangan Pertanian Tanaman Sayur-sayuran mengikut Daerah Pentadbiran, Terengganu, 2023




6.7.9.2 Keluasan Bertanam dan Bertuai

Jumlah keluasan bertanam tanaman sayur-sayuran di Terengganu pada tahun 2023 adalah 2,156 hektar dan keluasan bertuai 1,936 hektar. Besut mencatatkan keluasan bertanam tertinggi iaitu 399 hektar dengan keluasan bertuai 286 hektar.

Paparan 57

Keluasan Bertanam dan Bertuai Tanaman Sayur-sayuran mengikut Daerah Pentadbiran, Terengganu




6.7.9.3 Kuantiti Pengeluaran

Kuantiti pengeluaran bagi tanaman sayur-sayuran di Terengganu direkodkan sebanyak 28,726 tan metrik. Tiga daerah utama yang mencatatkan kuantiti pengeluaran tertinggi bagi sektor tanaman sayur-sayuran adalah Besut iaitu 5,691 tan metrik, Kemaman (4,756 tan metrik) dan Setiu (4,460 tan metrik).



6.7.9.4 Kuantiti dan Nilai Jualan

Pada tahun 2023, jumlah keseluruhan kuantiti hasil tanaman sayur-sayuran Terengganu direkodkan sebanyak 27,302 tan metrik dengan nilai jualan RM161,116,124. Tiga daerah utama yang merekodkan kuantiti jualan tertinggi ialah Besut iaitu 5,556 tan metrik dengan nilai jualan RM34,034,619, diikuti oleh Kemaman iaitu 4,636 tan metrik dengan nilai jualan RM29,661,063 dan Setiu iaitu 4,206 tan metrik dengan nilai jualan RM24,173,541.




6.7.10 Tanaman Lain

6.7.10.1 Profil Pegangan Pertanian

Bilangan pengusaha tanaman lain di Terengganu adalah 8,947 yang terdiri daripada 8,910 individu dan 37 pertubuhan.


Paparan 59 Pegangan Pertanian Tanaman Lain mengikut Daerah Pentadbiran, Terengganu, 2023



6.7.10.2 Keluasan Bertanam dan Bertuai

Jumlah keluasan bertanam tanaman lain di Terengganu pada tahun 2023 adalah 4,511 hektar dan keluasan bertuai 3,914 hektar. Marang mencatatkan keluasan bertanam dan bertuai tertinggi iaitu 935 hektar dan 933 hektar, diikuti dengan Kuala Nerus dengan keluasan bertanam dan bertuai masing-masing 918 dan 365.

Paparan 60 Keluasan Bertanam dan Bertuai Tanaman Lain mengikut Daerah Pentadbiran, Terengganu 2023



6.7.10.3 Kuantiti Pengeluaran

Kuantiti pengeluaran tanaman lain di Terengganu direkodkan sebanyak 49,153 tan metrik. Tiga daerah utama mencatatkan kuantiti pengeluaran tertinggi sektor tanaman lain adalah Kuala Terengganu iaitu 12,299 tan metrik, Marang (9,172 tan metrik) dan Dungun (7,871 tan metrik).


Carta 13 Kuantiti Pengeluaran Tanaman Lain mengikut Daerah Pentadbiran, Terengganu, 2023



6.7.10.4 Kuantiti dan Nilai Jualan

Pada tahun 2023, jumlah keseluruhan kuantiti hasil tanaman lain Terengganu direkodkan sebanyak 41,528 tan metrik dengan nilai jualan RM63,247,143. Tiga daerah utama yang merekodkan kuantiti jualan tertinggi ialah Kuala Terengganu iaitu 8,703 tan metrik dengan nilai jualan RM3,038,002 diikuti oleh Dungun iaitu 7,520 tan metrik dengan nilai jualan RM7,882,513 dan Marang iaitu 7,000 tan metrik dengan nilai jualan RM11,274,132.

Carta 14 Kuantiti dan Nilai Jualan Tanaman Lain mengikut Daerah Pentadbiran, Terengganu, 2023





SUBSEKTOR TERNAKAN

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

7.0 SUBSEKTOR TERNAKAN

7.1 PROFIL PEGANGAN PERTANIAN

Hasil dapatan Banci Pertanian 2024 menunjukkan bahawa sebanyak 12,018 pegangan pertanian direkodkan pada tahun 2023, merangkumi 11,818 pegangan pertanian individu (98.3%) dan 200 pegangan pertanian pertubuhan (1.7%).

Paparan 61

Pegangan Pertanian Subsektor Ternakan, Terengganu, 2023



7.1.1 Kewarganegaraan

Daripada 11,817 pegangan pertanian individu di Terengganu, seramai 11,817 orang (99.9%) merupakan warganegara, manakala 1 (0.01%) orang lagi terdiri daripada bukan warganegara.

Paparan 62

Pegangan Pertanian Subsektor Ternakan Mengikut Kewarganegaraan, Terengganu, 2023



7.1.2 Jantina

Pegangan pertanian individu di Terengganu didominasi oleh lelaki iaitu 10,484 orang (88.7%) berbanding 1,334 perempuan (11.3%). Semua daerah merekodkan bilangan pegangan pertanian individu lelaki yang lebih tinggi berbanding perempuan.

Paparan 63

Pegangan Pertanian Subsektor Ternakan Mengikut Jantina, Terengganu, 2023




7.1.3 Kumpulan Umur

Seramai 3,904 orang atau 33.0 peratus daripada pegangan pertanian individu adalah berumur 46 hingga 59 tahun, diikuti oleh individu yang berumur 60 tahun dan ke atas (3,889 orang; 32.9%), 31 hingga 45 tahun (3,202 orang; 27.1%) dan 15 hingga 30 tahun (823 orang; 7.0%).

Carta 15

Pegangan Pertanian Subsektor Ternakan mengikut Kumpulan Umur, Terengganu, 2023



7.1.4 Kumpulan Etnik

Majoriti pegangan pertanian individu adalah daripada etnik Bumiputera dengan bilangan seramai 11,693 orang (98.9%), diikuti oleh Cina (91 orang; 0.8%), lain-lain (30 orang; 0.3%) dan India (3 orang; 0.0%).

Paparan 64

Pegangan Pertanian Subsektor Ternakan mengikut Kumpulan Etnik, Terengganu, 2023

 Bumiputera :	11,693 98.9%	 Cina:	91 0.8%
 India	3 0.03%	 Lain-lain :	30 0.03%

7.1.5 Taraf Perkahwinan

Majoriti pegangan pertanian individu terdiri daripada mereka yang telah berkahwin (8,931 orang; 75.6%), diikuti oleh tidak pernah berkahwin (1,465 orang; 12.4%) , balu/duda (1,303 orang; 11.0%) dan bercerai/berpisah (119 orang; 1.0%).

Paparan 65

Pegangan Pertanian Subsektor Ternakan mengikut Taraf Perkahwinan, Terengganu, 2023


 Tidak pernah berkahwin	1,465 12.4%	 Berkahwin	8,931 75.6%
 Balu/ Duda	1,303 11.0%	 Bercerai/ Berpisah	119 1.0%

7.1.6 Sijil Tertinggi Diperoleh

Seramai 6,583 orang atau 55.7 peratus pegangan pertanian individu mempunyai sijil pendidikan peringkat menengah, diikuti oleh peringkat rendah (2,309 orang; 19.5%) dan tiada sijil (1,751 orang; 14.8%). Pegangan pertanian individu yang mempunyai pendidikan peringkat tertiar pula berjumlah 1,175 orang (9.9%).

Paparan 66

Pegangan Pertanian Subsektor Ternakan mengikut Sijil Tertinggi Diperoleh, Terengganu, 2023



7.2 KUANTITI PENGELUARAN

Kuantiti pengeluaran bagi aktiviti haiwan hidup adalah sebanyak 13,465,721 ekor. Kemaman mencatatkan kuantiti pengeluaran haiwan hidup tertinggi pada tahun 2023 iaitu sebanyak 4,192,753 ekor diikuti oleh Dungun (3,646,328 ekor) dan Marang (2,000,017 ekor).

Carta 16

Kuantiti Pengeluaran Subsektor Ternakan mengikut Daerah Pentadbiran, Terengganu, 2023



Bagi hasil ternakan pula, kuantiti pengeluaran telur mencatatkan 5,019,745 biji dan Kemaman merupakan daerah pengeluar tertinggi (1,380,721 biji). Kuantiti pengeluaran bagi susu segar adalah 703,620 liter dan daerah Marang merupakan pengeluar tertinggi (602,547 liter). Sementara itu, kuantiti pengeluaran bagi hasil ternakan lain merekodkan sebanyak 30,113 kilogram yang meliputi sarang burung walet, madu dan hasil lain.

Carta

17

Kuantiti Pengeluaran Subsektor Ternakan mengikut Daerah Pentadbiran, Terengganu, 2023



Carta

18

Kuantiti Pengeluaran Subsektor Ternakan mengikut Daerah Pentadbiran, Terengganu, 2023



Carta

19

Kuantiti Pengeluaran Subsektor Ternakan mengikut Daerah, Terengganu Pentadbiran, 2023




7.3 KUANTITI DAN NILAI JUALAN

Bagi haiwan hidup, 12,687,128 ekor ternakan dijual pada tahun 2023 manakala kuantiti jualan dari hasil ternakan adalah sebanyak 4,018,434 biji telur dan 687,666 liter susu segar. Nilai jualan bagi haiwan hidup dan hasil ternakan adalah sebanyak RM403,721,416.

Paparan 67


Kuantiti dan Nilai Jualan Subsektor Ternakan, Terengganu, 2023



Kemaman mencatatkan kuantiti dan nilai jualan yang paling tinggi untuk ekor dan biji dengan 3,947,634 ekor (RM137,603,170) dan 1,270,004 biji (RM843,146). Kuantiti jualan untuk liter dan kilogram disumbangkan oleh Marang dengan kuantiti jualan 593,420 liter dan 9,233 kilogram yang bernilai RM1,789,649 dan RM1,827,117.

Carta 20

Kuantiti Jualan dan Nilai Jualan Subsektor Ternakan mengikut Daerah Pentadbiran, Terengganu, 2023



Carta 21

Kuantiti Jualan dan Nilai Jualan Subsektor Ternakan mengikut Daerah Pentadbiran, Terengganu, 2023




Carta 22

Kuantiti Jualan dan Nilai Jualan Subsektor Ternakan mengikut Daerah Pentadbiran, Terengganu, 2023



Carta 23

Kuantiti Jualan dan Nilai Jualan Subsektor Ternakan mengikut Daerah Pentadbiran, Terengganu, 2023



7.4 PARAMETER SUBSEKTOR TERNAKAN MENGIKUT DAERAH PENTADBIRAN

7.4.1 Pegangan Pertanian

Daerah Besut merekodkan pegangan pertanian ternakan tertinggi iaitu seramai 2,503 pegangan pertanian yang merangkumi 2,483 pegangan pertanian individu dan 20 pegangan pertanian pertubuhan diikuti dengan Daerah Kemaman 2,397 pegangan pertanian (2,360 pegangan pertanian individu, 37 pegangan pertanian pertubuhan) dan Daerah Kuala Terengganu 1,456 pegangan pertanian (1,434 pegangan pertanian individu, 22 pegangan pertanian pertubuhan).

Paparan 68

Pegangan Pertanian Subsektor Ternakan mengikut Daerah Pentadbiran, Terengganu, 2023



PEGANGAN
PERTANIAN
(INDIVIDU)



PEGANGAN
PERTANIAN
(PERTUBUHAN)




PEGANGAN
PERTANIAN
(KESELURUHAN)

DAERAH	PEGANGAN PERTANIAN (INDIVIDU)	PEGANGAN PERTANIAN (PERTUBUHAN)	PEGANGAN PERTANIAN (KESELURUHAN)
TERENGGANU	11,818	200	12,018
BESUT	2,483	20	2,503
KEMAMAN	2,360	37	2,397
KUALA TERENGGANU	1,434	22	1,456
MARANG	1,401	25	1,426
SETIU	1,359	13	1,372
KUALA NERUS	1,161	11	1,172
DUNGUN	1,014	43	1,057
HULU TERENGGANU	606	29	635

Paparan 69

Pegangan Pertanian Subsektor Tertinggi Ternakan, Terengganu, 2023




7.4.2 Nilai Jualan

Kemaman mencatatkan nilai jualan tertinggi iaitu RM141,383,547 diikuti Dungun RM65,211,278 dan Besut RM50,715,066. Tiga jenis haiwan hidup yang menyumbang nilai jualan tertinggi di Negeri Terengganu adalah ternakan lembu/kerbau RM193,168,660 diikuti ayam/itik RM167,624,420 dan kambing/bebiri RM20,307,220.

Carta 24

Nilai Jualan Subsektor Ternakan mengikut Daerah Pentadbiran, Terengganu, 2023



Paparan 70

Nilai Jualan Tertinggi Ternakan Hidup Subsektor Ternakan mengikut Spesies Ternakan, Terengganu, 2023





SUBSEKTOR PERIKANAN

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

8.0 SUBSEKTOR PERIKANAN


8.1 PERIKANAN TANGKAPAN

8.1.1 Profil Pegangan Pertanian

Hasil dapatan Banci Pertanian 2024 menunjukkan bahawa sebanyak 3,013 pegangan pertanian direkodkan pada tahun 2023, merangkumi 3,001 pegangan pertanian individu (99.6%) dan 12 pegangan pertanian pertubuhan (0.4%).

Paparan 71

Pegangan Pertanian bagi Subsektor Perikanan Tangkapan, Terengganu, 2023



8.1.1.1 Kewarganegaraan

Daripada jumlah keseluruhan tersebut, 3,001 pegangan (100%) diusahakan oleh warganegara Malaysia.

Paparan 72

Pegangan Pertanian Subsektor Perikanan Tangkapan mengikut Kewarganegaraan, Terengganu, 2023



8.1.1.2 Jantina

Pegangan pertanian individu di Terengganu didominasi oleh lelaki iaitu 2,993 orang (99.7%) berbanding 8 perempuan (0.3%). Semua daerah merekodkan bilangan pegangan pertanian individu lelaki yang lebih tinggi berbanding perempuan.

Paparan 73

Pegangan Pertanian Subsektor Perikanan Tangkapan mengikut Jantina, Terengganu, 2023




8.1.1.3 Kumpulan Umur

Seramai 1,131 orang atau 37.7 peratus daripada pegangan pertanian individu adalah berumur 46 hingga 59 tahun, diikuti oleh individu yang berumur 60 tahun dan ke atas (1,127 orang; 37.5%), 31 hingga 45 tahun (660 orang; 22.0%) dan 15 hingga 30 tahun (83 orang; 2.7%).

Carta

25

Pegangan Pertanian Subsektor Perikanan Tangkapan mengikut Kumpulan Umur, Terengganu,



8.1.2 Kumpulan Etnik

Majoriti pegangan pertanian individu adalah daripada etnik Bumiputera dengan bilangan seramai 2,996 orang (99.8%), diikuti oleh Cina (4 orang; 0.1%) dan lain-lain (1 orang; 0.1%).

Paparan

74

Pegangan Pertanian Subsektor Perikanan Tangkapan mengikut Kumpulan Etnik, Terengganu, 2023

Bumiputera :	2,996 99.8%	Cina:	4 0.1%
India	-	Lain-lain :	1 0.8%

8.1.2.1 Taraf Perkahwinan

Majoriti pegangan pertanian individu terdiri daripada mereka yang telah berkahwin (2,349 orang; 78.3%), diikuti oleh balu/duda (277 orang; 9.2%), tidak pernah berkahwin (350 orang; 11.7%) dan bercerai/berpisah (25 orang; 0.8%).

Paparan

75

Daerah Marang merangkumi enam mukim iaitu Mukim Alor Limbat, Mukim Bukit Payung, Mukim Merchang, Mukim Pulau Kerangga, Mukim Jerung dan Mukim Rusila.


Keluasan Marang adalah 66,100 hektar. Berdasarkan keluasan tersebut, keluasan guna tanah semasa pertanian sebanyak 41,314 hektar (62.5%). Penduduk di Marang adalah 126,700 orang dengan kepadatan penduduk 190 orang per kilometer persegi. Marang mencatatkan bilangan isi rumah 32,800 dan purata saiz isi rumah adalah 3.9. Bilangan tempat kediaman di Marang adalah 40,200.

Bilangan pegangan pertanian di Marang adalah 8,685. Bilangan pegangan pertanian tertinggi mengikut subsektor adalah tanaman iaitu 6,887 (78.0%) dengan 6,845 pegangan individu dan 42 pegangan pertubuhan, diikuti oleh ternakan sebanyak 1,426 (16.1%) dengan 1,401 pegangan individu dan 25 pegangan pertubuhan, perikanan tangkapan sebanyak 435 (4.9%) dengan 435 pegangan individu, akuakultur sebanyak 74 (0.8%) dengan 67 pegangan individu dan 7 pegangan pertubuhan serta perhutanan & pembalakan sebanyak 10 (0.1%) dengan 5 pegangan individu dan 5 pegangan pertubuhan.

Carta

42

Pegangan Pertanian mengikut Subsektor Pertanian, Marang, 2023



Aktiviti Pertanian

Aktiviti pertanian mengikut nilai jualan tertinggi di Marang adalah tanaman dengan nilai jualan RM208,273,756 diikuti oleh perhutanan & pembalakan (RM70,410,444), akuakultur (RM61,320,304), ternakan (RM40,036,695) dan perikanan (RM34,838,746).

Paparan 115 Parameter Utama Aktiviti Pertanian mengikut Subsektor, Marang, 2023

Tanaman

Pegangan Pertanian	: 6,887
	: 6,845 individu
	: 42 pertubuhan
Keluasan Bertanam	: 12,591 hektar
Keluasan Bertuai	: 11,098 hektar
Kuantiti Pengeluaran	: 192,420 tan metrik
Kuantiti Jualan	: 188,334 tan metrik
Nilai Jualan	: RM208,273,756




Perhutanan & Pembalakan

Pegangan Pertanian	: 10
	: 5 individu
	: 5 pertubuhan
Kuantiti Pengeluaran	: 13,495 kilogram
	: 100,871 meter padu
Kuantiti Jualan	: 10,400 kilogram
	: 100,771 meter padu
Nilai Jualan	: RM70,410,444



Akuakultur

Pegangan Pertanian	: 74
	: 67 individu
	: 7 pertubuhan
Keluasan	: 23 hektar
Kuantiti Pengeluaran	: 2,102 tan metrik
	: 50,961,917 ekor
Kuantiti Jualan	: 1,132 tan metrik
	: 50,510,429 ekor
Nilai Jualan	: RM61,320,304



Ternakan

Pegangan Pertanian	: 1,426
	: 1,401 individu
	: 25 pertubuhan
Kuantiti pengeluaran	: 9,420 kilogram
	: 380,273 biji
	: 2,000,017 ekor
Kuantiti Jualan	: 602,547 liter
	: 9,223 kilogram
	: 272,967 biji
	: 1,859,933 ekor
Nilai Jualan	: 593,420 liter
	: RM40,036,695



Perikanan Tangkapan

Pegangan Pertanian	: 435
	: 435 individu
Kuantiti Pengeluaran	: 3,260 tan metrik
Kuantiti Jualan	: 2,859 tan metrik
Nilai Jualan	: RM34,838,746



Subsektor Tanaman

Bilangan pengusaha tanaman mengikut lokasi di Marang adalah 6,887 yang terdiri daripada 6,845 pegangan individu dan 42 pegangan pertubuhan dengan keluasan bertanam 12,591 hektar dan kuantiti pengeluaran 192,420 tan metrik. Kuantiti pengeluaran tertinggi bagi sektor tanaman di Marang adalah kelapa sawit iaitu 172,765 tan metrik diikuti oleh tanaman lain (9,172 tan metrik) dan sayur-sayuran (3,564 tan metrik).

Paparan 116

Parameter Utama Subsektor Tanaman mengikut Jenis Tanaman, Marang, 2023



1. Kelapa Sawit

Pegangan Pertanian	: 649
Keluasan Bertanam	: 9,401 hektar
Pengeluaran	: 172,765 tan metrik
Nilai Jualan	: RM158,539,928



2. Sayur-sayuran

Pegangan Pertanian	: 844
Keluasan Bertanam	: 315 hektar
Pengeluaran	: 3,564 tan metrik
Nilai Jualan	: RM18,865,377



3. Buah-buahan

Pegangan Pertanian	: 2,952
Keluasan Bertanam	: 275 hektar
Pengeluaran	: 3,329 tan metrik
Nilai Jualan	: RM11,406,398



4. Padi

Pegangan Pertanian	: 306
Keluasan Bertanam	: 551 hektar
Pengeluaran	: 1,852 tan metrik
Nilai Jualan	: RM576,543



5. Nanas

Pegangan Pertanian	: 84
Keluasan Bertanam	: 23 hektar
Pengeluaran	: 751 tan metrik
Nilai Jualan	: RM2,154,364



6. Getah

Pegangan Pertanian	: 1,085
Keluasan Bertanam	: 1,057 hektar
Pengeluaran	: 712 tan metrik
Nilai Jualan	: RM5,412,928



7. Kenaf

Pegangan Pertanian	: 18
Keluasan Bertanam	: 31 hektar
Pengeluaran	: 274 tan metrik
Nilai Jualan	: RM10,063



8. Lada

Pegangan Pertanian	: 7
Keluasan Bertanam	: 2 hektar
Pengeluaran	: 1 tan metrik
Nilai Jualan	: RM32,859



9. Koko

Pegangan Pertanian	: 2
Keluasan Bertanam	: 1 hektar
Pengeluaran	: 0.1 tan metrik
Nilai Jualan	: RM1,164



10. Tanaman Lain

Pegangan Pertanian	: 1,457
Keluasan Bertanam	: 935 hektar
Pengeluaran	: 9,172 tan metrik
Nilai Jualan	: RM11,274,132

Subsektor Ternakan

Pegangan pertanian pada tahun 2023 bagi Marang adalah 1,426 yang terdiri daripada 1,401 pegangan individu dan 25 pegangan pertubuhan. Kuantiti pengeluaran ternakan adalah sebanyak 9,420 kilogram dengan mencatatkan kuantiti jualan sebanyak 9,223 kilogram. Sejumlah 380,273 biji telur dan 602,547 liter susu segar telah dihasilkan dan sebanyak 272,967 biji telur serta 593,420 liter susu segar telah dijual. Jumlah kuantiti pengeluaran haiwan hidup pada tahun 2023 adalah sebanyak 2,000,017 ekor dengan kuantiti jualan sebanyak 1,859,933 ekor. Nilai jualan bagi ternakan ayam/itik merupakan penyumbang tertinggi di Marang sebanyak RM23,449,550. Secara keseluruhan, nilai jualan bagi sektor ternakan di Marang direkodkan sebanyak RM40,036,695.

Jadual 18 Parameter Utama Subsektor Ternakan, Marang, 2023

Daerah/ Unit	Bilangan Pegangan Pertanian			Kuantiti Pengeluaran	Kuantiti Jualan	Nilai Jualan (RM)
	Jumlah	Individu	Pertubuhan			
Marang	1,426	1,401	25	-	-	40,036,695
Kilogram	-	-	-	9,420	9,223	1,827,117
Biji	-	-	-	380,273	272,967	214,268
Ekor	-	-	-	2,000,017	1,859,933	36,205,661
Liter	-	-	-	602,547	593,420	1,789,649

Paparan 117 Nilai Jualan Ternakan Mengikut Spesis, Marang, 2023




Subsektor Perikanan Tangkapan

Subsektor perikanan tangkapan di Marang telah merekodkan 435 pegangan pertanian, yang terdiri sepenuhnya daripada pengusaha individu pada tahun 2023. Daripada jumlah tersebut, kuantiti pengeluaran perikanan tangkapan mencatatkan 3,260 tan metrik, manakala kuantiti jualan keseluruhan direkodkan sebanyak 2,859 tan metrik, dengan nilai jualan berjumlah RM34,838,745.

Paparan 118

Parameter Utama Subsektor Perikanan Tangkapan, Marang, 2023



Perikanan tangkapan laut mencatatkan kuantiti pengeluaran dan kuantiti jualan tertinggi, iaitu masing-masing 3,231 tan metrik dan 2,830 tan metrik, berbanding perikanan tangkapan darat yang hanya merekodkan 29 tan metrik bagi kuantiti pengeluaran dan 29 tan metrik bagi kuantiti jualan. Nilai jualan bagi perikanan tangkapan laut ialah RM34,206,281 manakala perikanan tangkapan darat mencatatkan RM632,464.

Jadual 19

Kuantiti dan Nilai Jualan Subsektor Perikanan Tangkapan mengikut Aktiviti Tangkapan, Marang, 2023

	 Kuantiti Pengeluaran (Tan Metrik)	 Kuantiti Jualan (Tan Metrik)	 Nilai Jualan (RM)
 Jumlah Tangkapan	3,260	2,859	34,838,745
 Tangkapan Laut	3,231	2,830	34,206,281
 Tangkapan Darat	29	29	632,464

Subsektor Akuakultur

Subsektor akuakultur di Marang merekodkan seramai 74 pegangan pertanian yang terdiri daripada 67 pengusaha individu dan tujuh pertubuhan pada tahun 2023. Keluasan subsektor akuakultur yang diusahakan di Marang adalah seluas 23 hektar. Kuantiti pengeluaran mencatatkan 2,102 tan metrik dan kuantiti jualan sebanyak 1,132 tan metrik yang bernilai RM29,317,044 bagi akuakultur air payau dan air tawar. Bagi kategori baka & benih dan ikan hiasan yang menggunakan unit ukuran ekor, sebanyak 50,951,917 ekor telah dihasilkan dan 50,210,429 ekor dijual dengan nilai RM32,003,260. Jumlah nilai jualan keseluruhan direkodkan adalah sebanyak RM61,320,304.

Jadual 20 Parameter Utama Subsektor Akuakultur, Marang, 2023

Daerah/ Unit	Bilangan Pegangan Pertanian			Keluasan (hektar)	Kuantiti Pengeluaran	Kuantiti Jualan	Nilai Jualan (RM)
	Jumlah	Individu	Pertubuhan				
Marang	74	67	7	23	-	-	61,320,304
Tan metrik	-	-	-		2,102	1,132	29,317,044
Ekor	-	-	-		50,961,917	50,510,429	32,003,260

Subsektor Perhutanan dan Pembalakan

Subsektor perhutanan dan pembalakan merekodkan sebanyak 10 pegangan pertanian terdiri daripada lima pegangan pertanian individu dan lima pegangan pertanian pertubuhan. Kuantiti pengeluaran hasil perhutanan di Marang telah mencatatkan sebanyak 13,495 kilogram dan kuantiti jualan sebanyak 10,400 kilogram. Statistik pembalakan menunjukkan kuantiti pengeluaran sebanyak 100,871 meter padu dan jualan sebanyak 100,771 meter padu dengan nilai jualan sebanyak RM70,142,444. Nilai jualan secara keseluruhan adalah sebanyak RM70,410,444.

Jadual 21 Parameter Utama Subsektor Perhutanan & Pembalakan, Marang, 2023

Daerah/ Unit	Bilangan Pegangan Pertanian			Kuantiti Pengeluaran	Kuantiti Jualan	Nilai Jualan (RM)
	Jumlah	Individu	Pertubuhan			
Marang	10	5	5	-	-	70,410,444
Kilogram	-	-	-	13,495	10,400	268,000
Meter padu	-	-	-	100,871	100,771	70,142,444


DAERAH HULU TERENGGANU

Daerah Hulu Terengganu merangkumi sembilan mukim iaitu Mukim Hulu Berang, Mukim Hulu Telemung, Mukim Hulu Terengganu, Mukim Jenagur, Mukim Kuala Berang, Mukim Kuala Telemung, Mukim Penghulu Diman, Mukim Tanggul dan Mukim Tersat.

Keluasan Hulu Terengganu adalah 387,200 hektar. Berdasarkan keluasan tersebut, keluasan guna tanah semasa pertanian sebanyak 67,268 hektar (17.4%). Penduduk di Hulu Terengganu adalah 74,600 orang dengan kepadatan penduduk 19 orang per kilometer persegi. Hulu Terengganu mencatatkan bilangan isi rumah 18,900 dan purata saiz isi rumah adalah 3.9. Bilangan tempat kediaman di Hulu Terengganu adalah 24,100.

Bilangan pegangan pertanian di Hulu Terengganu adalah 6,430. Bilangan pegangan pertanian tertinggi mengikut subsektor adalah tanaman iaitu 5,708 (86.4%) dengan 5,656 pegangan individu dan 52 pegangan pertubuhan, diikuti oleh ternakan sebanyak 635 (9.6%) dengan 606 pegangan individu dan 29 pegangan pertubuhan, perhutanan & pembalakan sebanyak (141; 2.1%), dengan 141 pegangan individu, akuakultur sebanyak 112 (1.7%) dengan 102 pegangan individu dan 10 pegangan pertubuhan serta perikanan tangkapan sebanyak 14 (0.2%) dengan 13 pegangan individu dan 1 pegangan pertubuhan.

Carta 43 Pegangan Pertanian mengikut Subsektor Pertanian, Hulu Terengganu, 2023




Aktiviti Pertanian

Aktiviti pertanian mengikut nilai jualan tertinggi di Hulu Terengganu adalah tanaman dengan nilai jualan RM501,385,102 diikuti oleh ternakan (RM27,655,257), akuakultur (RM14,256,675), perhutanan & pembalakan (RM1,415,908) dan perikanan (RM741,032).

Paparan 119

Parameter Utama Aktiviti Pertanian mengikut Subsektor, Hulu Terengganu, 2023



Subsektor Tanaman

Bilangan pengusaha tanaman mengikut lokasi di Hulu Terengganu adalah 5,708 yang terdiri daripada 5,656 pegangan individu dan 52 pegangan pertubuhan dengan keluasan bertanam 29,856 hektar dan kuantiti pengeluaran 476,181 tan metrik. Pengeluaran tertinggi bagi sektor tanaman di Hulu Terengganu adalah kelapa sawit iaitu 464,289 tan metrik diikuti oleh buah-buahan (6,076 tan metrik) dan getah (1,790 tan metrik).

Paparan 120

Parameter Utama Subsektor Tanaman mengikut Jenis Tanaman, Hulu Terengganu, 2023



1. Kelapa Sawit

Pegangan Pertanian	: 1,699
Keluasan Bertanam	: 25,204 hektar
Pengeluaran	: 464,289 tan metrik
Nilai Jualan	: RM428,407,951



2. Buah-buahan

Pegangan Pertanian	: 1,036
Keluasan Bertanam	: 1,465 hektar
Pengeluaran	: 6,076 tan metrik
Nilai Jualan	: RM49,178,552



3. Getah

Pegangan Pertanian	: 2,489
Keluasan Bertanam	: 2,786 hektar
Pengeluaran	: 1,790 tan metrik
Nilai Jualan	: RM11,962,619



4. Sayur-sayuran

Pegangan Pertanian	: 270
Keluasan Bertanam	: 134 hektar
Pengeluaran	: 1,455 tan metrik
Nilai Jualan	: RM6,749,762



5. Nanas

Pegangan Pertanian	: 32
Keluasan Bertanam	: 17 hektar
Pengeluaran	: 607 tan metrik
Nilai Jualan	: RM1,755,471



6. Padi

Pegangan Pertanian	: 38
Keluasan Bertanam	: 85 hektar
Pengeluaran	: 135 tan metrik
Nilai Jualan	: RM230,435



7. Koko

Pegangan Pertanian	: 1
Keluasan Bertanam	: 0.41 hektar
Pengeluaran	: 0.05 tan metrik
Nilai Jualan	: RM465



8. Lada

Pegangan Pertanian	: 3
Keluasan Bertanam	: 0.01 hektar
Pengeluaran	: 0.03 tan metrik
Nilai Jualan	: RM683



9. Tanaman Lain

Pegangan Pertanian	: 367
Keluasan Bertanam	: 164 hektar
Pengeluaran	: 1,829 tan metrik
Nilai Jualan	: RM3,099,164

Subsektor Ternakan

Pegangan pertanian pada tahun 2023 bagi Hulu Terengganu adalah 635 yang terdiri daripada 606 pegangan individu dan 29 pegangan pertubuhan. Kuantiti pengeluaran ternakan adalah sebanyak 2,079 kilogram dengan mencatatkan kuantiti jualan sebanyak 1,708 kilogram. Sejumlah 200,077 biji telur dan 4,280 liter susu segar telah dihasilkan dan sebanyak 152,249 biji telur serta 3,200 liter susu segar telah dijual. Jumlah kuantiti pengeluaran haiwan hidup pada tahun 2023 adalah sebanyak 1,491,488 ekor dengan kuantiti jualan sebanyak 1,419,249 ekor. Nilai jualan bagi ternakan ayam/itik merupakan penyumbang tertinggi di Hulu Terengganu sebanyak RM19,678,160. Secara keseluruhan, nilai jualan bagi sektor ternakan di Hulu Terengganu direkodkan sebanyak RM27,655,257.

Jadual 22 Parameter Utama Subsektor Ternakan, Hulu Terengganu, 2023

Daerah/ Unit	Bilangan Pegangan Pertanian			Kuantiti Pengeluaran	Kuantiti Jualan	Nilai Jualan (RM)
	Jumlah	Individu	Pertubuhan			
Hulu Terengganu	635	606	29	-	-	27,655,257
Kilogram	-	-	-	2,079	1,708	934,102
Biji	-	-	-	200,077	152,249	144,268
Ekor	-	-	-	1,491,488	1,419,249	26,567,927
Liter	-	-	-	4,280	3,200	8,960

Paparan 121 Nilai Jualan Ternakan Mengikut Spesis, Hulu Terengganu, 2023



Subsektor Perikanan Tangkapan

Subsektor perikanan tangkapan di Hulu Terengganu merekodkan 14 pegangan pertanian yang terdiri daripada 13 pengusaha individu dan 1 pertubuhan pada tahun 2023. Daripada jumlah tersebut, kuantiti pengeluaran perikanan tangkapan mencatatkan 4,202 tan metrik, manakala kuantiti jualan keseluruhan turut direkodkan pada nilai yang sama, iaitu 4,202 tan metrik, dengan jumlah nilai jualan sebanyak RM741,032.

Paparan 122 Parameter Subsektor Perikanan Tangkapan, Hulu Terengganu, 2023



Perikanan tangkapan darat mencatatkan kuantiti pengeluaran dan kuantiti jualan tertinggi, masing-masing 49 tan metrik, berbanding perikanan tangkapan laut yang hanya merekodkan 7 tan metrik bagi kedua-dua kuantiti pengeluaran dan kuantiti jualan. Dari segi nilai jualan, perikanan tangkapan laut mencatatkan RM664,529 manakala perikanan tangkapan darat mencatatkan RM76,503.

Jadual 23 Kuantiti dan Nilai Jualan Subsektor Perikanan Tangkapan mengikut Aktiviti Tangkapan, Hulu Terengganu, 2023

	 Kuantiti Pengeluaran (Tan Metrik)	 Kuantiti Jualan (Tan Metrik)	 Nilai Jualan (RM)
 Jumlah Tangkapan	56	56	741,032
 Tangkapan Laut	7	7	664,529
 Tangkapan Darat	49	49	76,503

Subsektor Akuakultur

Subsektor akuakultur di Hulu Terengganu merekodkan seramai 112 pegangan pertanian yang terdiri daripada 102 pengusaha individu dan 10 pertubuhan pada tahun 2023. Luas kawasan yang diusahakan bagi akuakultur di daerah ini adalah 16 hektar. Kuantiti pengeluaran mencatatkan 1,152 tan metrik dengan kuantiti jualan sebanyak 1,067 tan metrik yang bernilai RM13,356,735 bagi akuakultur air payau dan air tawar. Bagi kategori baka & benih dan ikan hiasan yang menggunakan unit ukuran ekor, sejumlah 1,279,201 ekor dihasilkan dan 952,357 ekor dijual yang bernilai RM899,940. Jumlah nilai jualan keseluruhan direkodkan adalah sebanyak RM14,256,675.

Jadual 24 Parameter Utama Subsektor Akuakultur, Hulu Terengganu, 2023

Daerah/ Unit	Bilangan Pegangan Pertanian			Keluasan (hektar)	Kuantiti Pengeluaran	Kuantiti Jualan	Nilai Jualan (RM)
	Jumlah	Individu	Pertubuhan				
Hulu Terengganu	112	102	10	16	-	-	14,256,675
Tan metrik	-	-	-		1,152	1,067	13,356,735
Ekor	-	-	-		1,279,201	952,357	899,940

Subsektor Perhutanan dan Pembalakan

Subsektor perhutanan dan pembalakan merekodkan sebanyak 141 pegangan pertanian individu. Kuantiti pengeluaran hasil hutan bukan kayu di Hulu Terengganu telah mencatatkan sebanyak 12,840 meter padu dan kuantiti jualan sebanyak 12,628 meter padu dengan nilai jualan sebanyak RM1,414,908. Statistik pembalakan menunjukkan kuantiti pengeluaran dan jualan sebanyak 0.35 meter padu dengan nilai jualan sebanyak RM1,000. Nilai jualan secara keseluruhan adalah sebanyak RM1,415,908

Jadual 25 Parameter Utama Subsektor Perhutanan & Pembalakan, Hulu Terengganu, 2023

Daerah/ Unit	Bilangan Pegangan Pertanian			Kuantiti Pengeluaran	Kuantiti Jualan	Nilai Jualan (RM)
	Jumlah	Individu	Pertubuhan			
Hulu Terengganu	141	141	-	-	-	1,415,908
Kilogram	-	-	-	12,840	12,628	1,414,908
Meter padu	-	-	-	0.35	0.35	1,000

DAERAH SETIU

Daerah Setiu merangkumi tujuh mukim iaitu Mukim Caluk, Mukim Guntung, Mukim Hulu Nerus, Mukim Hulu Setiu, Mukim Merang, Mukim Pantai dan Mukim Tasik.


Keluasan Setiu adalah 133,600 hektar. Berdasarkan keluasan tersebut, keluasan guna tanah semasa pertanian sebanyak 82,033 hektar (61.4%). Penduduk di Setiu adalah 64,300 orang dengan kepadatan penduduk 49 orang per kilometer persegi. Setiu mencatatkan bilangan isi rumah 15,700 dan purata saiz isi rumah adalah 4.1. Bilangan tempat kediaman di Setiu adalah 17,800.

Bilangan pegangan pertanian di Besut adalah 9,955. Bilangan pegangan pertanian tertinggi mengikut subsektor di Besut adalah tanaman iaitu 8,222 (80.9%) dengan 8,177 pegangan individu dan 45 pegangan pertubuhan, diikuti oleh ternakan sebanyak ternakan 1,372 (13.5%) dengan 1,359 pegangan individu dan 13 pegangan pertubuhan, perikanan tangkapan sebanyak 426 (4.2%) dengan 424 pegangan individu dan 2 pegangan pertubuhan, akuakultur sebanyak 125 (1.2%) dengan 107 pegangan individu dan 18 pegangan pertubuhan serta perhutanan & pembalakan sebanyak 12 (0.1%) dengan 12 pegangan individu.

Carta

44

Pegangan Pertanian mengikut Subsektor Pertanian, Setiu, 2023




Aktiviti Pertanian

Aktiviti pertanian mengikut nilai jualan tertinggi di Setiu adalah tanaman dengan nilai jualan RM598,179,658 diikuti oleh ternakan (RM32,970,258), perikanan (RM31,578,218), akuakultur (RM57,364,961) dan perhutanan & pembalakan (RM153,180).

Paparan 123

Parameter Utama Aktiviti Pertanian mengikut Subsektor, Setiu, 2023



Subsektor Tanaman

Bilangan pengusaha tanaman mengikut lokasi di Setiu adalah 8,222 yang terdiri daripada 8,177 pegangan individu dan 45 pegangan pertubuhan dengan keluasan bertanam 36,180 hektar dan kuantiti pengeluaran 581,124 tan metrik. Kuantiti pengeluaran tertinggi bagi subsektor tanaman di Setiu adalah kelapa sawit iaitu 553,315 tan metrik diikuti oleh buah-buahan (11,289 tan metrik) dan sayur-sayuran (4,460 tan metrik).

Paparan 124

Parameter Utama Subsektor Tanaman mengikut Jenis Tanaman, Setiu, 2023



1. Kelapa Sawit

Pegangan Pertanian	: 1,904
Keluasan Bertanam	: 28,451 hektar
Pengeluaran	: 553,315 tan metrik
Nilai Jualan	: RM508,212,486



2. Buah-buahan

Pegangan Pertanian	: 1,196
Keluasan Bertanam	: 994 hektar
Pengeluaran	: 11,289 tan metrik
Nilai Jualan	: RM33,484,724



3. Sayur-sayuran

Pegangan Pertanian	: 872
Keluasan Bertanam	: 350 hektar
Pengeluaran	: 4,460 tan metrik
Nilai Jualan	: RM24,173,541



4. Padi

Pegangan Pertanian	: 625
Keluasan Bertanam	: 1,309 hektar
Pengeluaran	: 3,982 tan metrik
Nilai Jualan	: RM2,766,256



5. Getah

Pegangan Pertanian	: 2,945
Keluasan Bertanam	: 3,911 hektar
Pengeluaran	: 2,805 tan metrik
Nilai Jualan	: RM17,975,841



6. Nanas

Pegangan Pertanian	: 68
Keluasan Bertanam	: 63 hektar
Pengeluaran	: 1,888 tan metrik
Nilai Jualan	: RM5,437,556



7. Kenaf

Pegangan Pertanian	: 57
Keluasan Bertanam	: 71 hektar
Pengeluaran	: 695 tan metrik
Nilai Jualan	: RM24,257



8. Lada

Pegangan Pertanian	: 2
Keluasan Bertanam	: 580 hektar
Pengeluaran	: -
Nilai Jualan	: -



9. Tanaman Lain

Pegangan Pertanian	: 800
Keluasan Bertanam	: 451 hektar
Pengeluaran	: 2,691 tan metrik
Nilai Jualan	: RM6,104,999

Subsektor Ternakan

Pegangan pertanian pada tahun 2023 bagi Setiu adalah 1,372 yang terdiri daripada 1,359 pegangan individu dan 13 pegangan pertubuhan. Kuantiti pengeluaran ternakan adalah sebanyak 1,255 kilogram dengan mencatatkan kuantiti jualan sebanyak 1,014 kilogram. Sejumlah 518,089 biji telur dihasilkan dan sebanyak 501,387 biji telur telah dijual. Jumlah kuantiti pengeluaran haiwan hidup pada tahun 2023 adalah sebanyak 885,168 ekor dengan kuantiti jualan sebanyak 837,763 ekor. Nilai jualan bagi ternakan lembu/kerbau merupakan penyumbang tertinggi di Setiu sebanyak RM20,490,810. Secara keseluruhan, nilai jualan bagi subsektor ternakan direkodkan sebanyak RM32,970,258.

Jadual 26 Parameter Utama Subsektor Ternakan, Setiu, 2023

Daerah/ Unit	Bilangan Pegangan Pertanian			Kuantiti Pengeluaran	Kuantiti Jualan	Nilai Jualan (RM)
	Jumlah	Individu	Pertubuhan			
Setiu	1,372	1,359	13	-	-	32,970,258
Kilogram	-	-	-	1,255	1,014	732,578
Biji	-	-	-	518,089	501,387	476,175
Ekor	-	-	-	885,168	837,763	31,761,505
Liter	-	-	-	-	-	-

Paparan 125 Nilai Jualan Ternakan Mengikut Spesis, Setiu, 2023




Subsektor Perikanan Tangkapan

Subsektor perikanan tangkapan di Setiu merekodkan 426 pegangan pertanian yang terdiri daripada 424 pengusaha individu dan 2 pertubuhan pada tahun 2023. Daripada keseluruhan jumlah tersebut, kuantiti pengeluaran perikanan tangkapan mencatatkan 3,017 tan metrik, manakala kuantiti jualan keseluruhan direkodkan sebanyak 2,616 tan metrik dengan jumlah nilai jualan berjumlah RM31,578,217.

Paparan 126

Parameter Utama Subsektor Perikanan Tangkapan, Setiu, 2023



Perikanan tangkapan laut mencatatkan kuantiti pengeluaran dan kuantiti jualan tertinggi, iaitu masing-masing 2,982 tan metrik dan 2,581 tan metrik, berbanding perikanan tangkapan darat yang hanya merekodkan 35 tan metrik bagi kuantiti pengeluaran dan 35 tan metrik bagi kuantiti jualan. Nilai jualan bagi perikanan tangkapan laut ialah RM31,110,132 manakala perikanan tangkapan darat mencatatkan RM468,085.

Jadual 27

Kuantiti dan Nilai Jualan Subsektor Perikanan Tangkapan mengikut Aktiviti Tangkapan, Setiu, 2023

	 Kuantiti Pengeluaran (Tan Metrik)	 Kuantiti Jualan (Tan Metrik)	 Nilai Jualan (RM)
 Jumlah Tangkapan	3,017	2,616	31,578,217
 Tangkapan Laut	2,982	2,581	31,110,132
 Tangkapan Darat	35	35	468,085

Subsektor Akuakultur

Subsektor akuakultur di Setiu merekodkan seramai 125 pegangan pertanian yang terdiri daripada 107 pengusaha individu dan 18 pertubuhan pada tahun 2023. Kawasan akuakultur di daerah ini berkeluasan 485 hektar yang menjadikannya daerah dengan liputan akuakultur tertinggi dalam negeri Terengganu. Bagi akuakultur air payau dan air tawar yang diukur dalam tan metrik, kuantiti pengeluaran direkodkan sebanyak 1,300 tan metrik dan nilai jualan sebanyak 1,185 tan metrik yang bernilai RM49,318,019, manakala bagi baka & benih dan ikan hiasan yang menggunakan unit ukuran ekor, sebanyak 17,397,733 ekor telah dihasilkan dan 16,235,635 ekor dijual dengan nilai RM8,046,942. Jumlah nilai jualan keseluruhan direkodkan adalah sebanyak RM57,364,961

Jadual 28**Parameter Utama Subsektor Akuakultur, Setiu, 2023**

Daerah/ Unit	Bilangan Pegangan Pertanian			Keluasan (hektar)	Kuantiti Pengeluaran	Kuantiti Jualan	Nilai Jualan (RM)
	Jumlah	Individu	Pertubuhan				
Setiu	125	107	18	485	-	-	57,364,961
Tan metrik	-	-	-	-	1,300	1,185	49,318,019
Ekor	-	-	-	-	17,397,733	16,235,635	8,046,942

Subsektor Perhutanan dan Pembalakan

Subsektor perhutanan dan pembalakan merekodkan sebanyak 12 pegangan pertanian individu. Kuantiti pengeluaran hasil hutan bukan kayu di Setiu telah mencatatkan sebanyak 15,430 kilogram dengan kuantiti jualan sebanyak 15,059 kilogram. Nilai jualan secara keseluruhan adalah sebanyak RM153,180.

Jadual 29**Parameter Utama Subsektor Perhutanan & Pembalakan, Setiu, 2023**

Daerah/ Unit	Bilangan Pegangan Pertanian			Kuantiti Pengeluaran	Kuantiti Jualan	Nilai Jualan (RM)
	Jumlah	Individu	Pertubuhan			
Setiu	12	12	-	-	-	153,180
Kilogram	-	-	-	15,430	15,059	153,180
Meter padu	-	-	-	-	-	-


DAERAH KUALA NERUS

Daerah Kuala Nerus merangkumi empat mukim iaitu Mukim Batu Rakit, Mukim Kuala Nerus, Mukim Pakoh dan Mukim Pulau Redang.

Keluasan Kuala Nerus adalah 39,800 hektar. Berdasarkan keluasan tersebut, keluasan guna tanah semasa pertanian sebanyak 14,240 hektar (35.8%). Penduduk di Kuala Nerus adalah 155,900 orang dengan kepadatan penduduk 392 orang per kilometer persegi. Kuala Nerus mencatatkan bilangan isi rumah 35,100 dan purata saiz isi rumah adalah 4.4. Bilangan tempat kediaman di Kuala Nerus adalah 37,700.

Bilangan pegangan pertanian di Besut adalah 9,023. Bilangan pegangan pertanian tertinggi mengikut subsektor di Besut adalah tanaman iaitu 7,314 (80.3%) dengan 7,288 pegangan individu dan 26 pegangan pertubuhan, diikuti oleh ternakan sebanyak 1,172 (12.9%) dengan 1,161 pegangan individu dan 11 pegangan pertubuhan, perikanan tangkapan sebanyak 556 (6.1%) dengan 555 pegangan individu dan 1 pegangan pertubuhan, akuakultur sebanyak 65 (0.7%) dengan 62 pegangan individu dan 3 pegangan pertubuhan serta perhutanan & pembalakan sebanyak 2 (0.0%) dengan 2 pegangan individu.

Carta 45 Pegangan Pertanian mengikut Subsektor Pertanian, Kuala Nerus, 2023



Aktiviti Pertanian

Aktiviti pertanian mengikut nilai jualan tertinggi di Kuala Nerus adalah tanaman dengan nilai jualan RM169,587,722 diikuti oleh perikanan (RM40,183,597), ternakan (RM20,413,681), akuakultur (RM3,140,218) dan perhutanan & pembalakan (RM8,000).

Paparan 127

Parameter Utama Aktiviti Pertanian mengikut Subsektor, Kuala Nerus, 2023


Tanaman

Pegangan Pertanian	: 7,314
	: 7,288 individu
	: 26 pertubuhan
Keluasan Bertanam	: 8,450 hektar
Keluasan Bertuai	: 6,930 hektar
Kuantiti Pengeluaran	: 118,010 tan metrik
Kuantiti Jualan	: 116,333 tan metrik
Nilai Jualan	: RM169,587,722



Perikanan Tangkapan

Pegangan Pertanian	: 556
	: 555 individu
	: 1 pertubuhan
Kuantiti Pengeluaran	: 4,262 tan metrik
Kuantiti Jualan	: 3,660 tan metrik
Nilai Jualan	: RM40,183,597




Ternakan

Pegangan Pertanian	: 1,172
	: 1,161 individu
	: 11 pertubuhan
Kuantiti pengeluaran	: 1,500 kilogram
	: 522,024 biji
	: 690,272 ekor
	: 22,258 liter
Kuantiti Jualan	: 1,370 kilogram
	: 428,739 biji
	: 663,139 ekor
	: 20,347 liter
Nilai Jualan	: RM20,413,681



Akuakultur

Pegangan Pertanian	: 65
	: 62 individu
	: 3 pertubuhan
Keluasan	: 8 hektar
Kuantiti Pengeluaran	: 378 tan metrik
	: 3,730 ekor
Kuantiti Jualan	: 344 tan metrik
	: 3,689 ekor
Nilai Jualan	: RM3,140,218



Perhutanan & Pembalakan

Pegangan Pertanian	: 2
	: 2 individu
	: 0 pertubuhan
Kuantiti Pengeluaran	: 551 kilogram
	- meter padu
Kuantiti Jualan	: 551 kilogram
	- meter padu
Nilai Jualan	: RM8,000



Subsektor Tanaman

Bilangan pengusaha tanaman mengikut lokasi di Kuala Nerus adalah 7,314 yang terdiri daripada 7,288 pegangan individu dan 26 pegangan pertubuhan dengan keluasan bertanam 8,450 hektar dan kuantiti pengeluaran 118,010 tan metrik. Kuantiti pengeluaran tertinggi bagi subsektor tanaman adalah kelapa sawit iaitu 100,356 tan metrik diikuti oleh tanaman lain (6,870 tan metrik) dan buah-buahan (4,786 tan metrik).

Paparan 128 Parameter Utama Subsektor Tanaman mengikut Jenis Tanaman, Kuala Nerus, 2023

 <p>1. Kelapa Sawit Pegangan Pertanian : 186 Keluasan Bertanam : 4,649 hektar Pengeluaran : 100,356 tan metrik Nilai Jualan : RM91,176,929</p>	 <p>2. Buah-buahan Pegangan Pertanian : 3,087 Keluasan Bertanam : 568 hektar Pengeluaran : 4,786 tan metrik Nilai Jualan : RM38,403,939</p>
 <p>3. Sayur-sayuran Pegangan Pertanian : 1,908 Keluasan Bertanam : 323 hektar Pengeluaran : 3,687 tan metrik Nilai Jualan : RM20,946,696</p>	 <p>4. Padi Pegangan Pertanian : 314 Keluasan Bertanam : 534 hektar Pengeluaran : 1,238 tan metrik Nilai Jualan : RM1,344,012</p>
 <p>5. Getah Pegangan Pertanian : 920 Keluasan Bertanam : 1,445 hektar Pengeluaran : 648 tan metrik Nilai Jualan : RM5,326,755</p>	 <p>6. Nanas Pegangan Pertanian : 54 Keluasan Bertanam : 13 hektar Pengeluaran : 420 tan metrik Nilai Jualan : RM1,211,911</p>
 <p>7. Kenaf Pegangan Pertanian : 1 Keluasan Bertanam : 1 hektar Pengeluaran : 5 tan metrik Nilai Jualan : RM184</p>	 <p>8. Tanaman Lain Pegangan Pertanian : 1,100 Keluasan Bertanam : 918 hektar Pengeluaran : 6,870 tan metrik Nilai Jualan : RM11,177,296</p>

Subsektor Ternakan

Pegangan pertanian pada tahun 2023 bagi subsektor ternakan Kuala Nerus adalah 1,172 yang terdiri daripada 1,161 pegangan individu dan 11 pegangan pertubuhan. Kuantiti pengeluaran ternakan adalah sebanyak 1,500 kilogram dengan mencatatkan kuantiti jualan sebanyak 1,370 kilogram. Sejumlah 522,024 biji telur dan 22,258 liter susu segar telah dihasilkan dan sebanyak 428,739 biji telur serta 20,347 liter susu segar telah dijual. Jumlah kuantiti pengeluaran haiwan hidup pada tahun 2023 adalah sebanyak 690,272 ekor dengan kuantiti jualan sebanyak 663,139 ekor. Nilai jualan bagi ternakan ayam/itik merupakan penyumbang tertinggi di Kuala Nerus sebanyak RM8,226,230. Secara keseluruhan, nilai jualan bagi sektor ternakan di Kuala Nerus direkodkan sebanyak RM20,413,681.

Jadual 30 Parameter Utama Subsektor Ternakan, Kuala Nerus, 2023

Daerah/ Unit	Bilangan Pegangan Pertanian			Kuantiti Pengeluaran	Kuantiti Jualan	Nilai Jualan (RM)
	Jumlah	Individu	Pertubuhan			
Kuala Nerus	1,172	1,161	11	-	-	20,413,681
Kilogram	-	-	-	1,500	1,370	2,543,892
Biji	-	-	-	522,024	428,739	341,545
Ekor	-	-	-	690,272	663,139	17,412,962
Liter	-	-	-	22,258	20,347	115,282

Paparan 129 Nilai Jualan Ternakan Mengikut Spesis, Kuala Nerus, 2023



Subsektor Perikanan Tangkapan

Sektor perikanan tangkapan di Kuala Nerus merekodkan 556 pegangan pertanian yang terdiri daripada 555 pengusaha individu dan 1 pertubuhan pada tahun 2023. Daripada keseluruhan jumlah tersebut, kuantiti pengeluaran perikanan tangkapan mencatatkan 4,262 tan metrik, manakala kuantiti jualan keseluruhan direkodkan sebanyak 3,660 tan metrik dengan jumlah nilai jualan berjumlah RM40,183,597.

Paparan 130

Parameter Utama Subsektor Perikanan Tangkapan, Kuala Nerus, 2023



Perikanan tangkapan laut mencatatkan kuantiti pengeluaran dan kuantiti jualan tertinggi, iaitu masing-masing 4,244 tan metrik dan 3,642 tan metrik, berbanding perikanan tangkapan darat yang hanya merekodkan 18 tan metrik bagi kuantiti pengeluaran dan 18 tan metrik bagi kuantiti jualan. Nilai jualan bagi perikanan tangkapan laut ialah RM39,992,155 manakala perikanan tangkapan darat mencatatkan RM191,442.

Jadual 31

Kuantiti dan Nilai Jualan Subsektor Perikanan Tangkapan mengikut Aktiviti Tangkapan, Kuala Nerus, 2023

	 Kuantiti Pengeluaran (Tan Metrik)	 Kuantiti Jualan (Tan Metrik)	 Nilai Jualan (RM)
 Jumlah Tangkapan	4,262	3,660	40,183,597
 Tangkapan Laut	4,244	3,642	39,992,155
 Tangkapan Darat	18	18	191,442

Subsektor Akuakultur

Subsektor akuakultur di Kuala Nerus merekodkan seramai 65 pegangan pertanian yang terdiri daripada 62 pengusaha individu dan tiga pertubuhan pada tahun 2023. Keluasan akuakultur bagi daerah ini adalah seluas 8 hektar. Kuantiti pengeluaran mencatatkan 378 tan metrik dengan jualan sebanyak 344 tan metrik yang bernilai RM3,076,583 bagi akuakultur air payau dan air tawar, manakala bagi kategori baka & benih dan ikan hiasan yang menggunakan unit ukuran ekor sebanyak 3,730 ekor telah dihasilkan dan 3,689 ekor dijual dengan nilai RM63,635. Jumlah nilai jualan keseluruhan direkodkan adalah sebanyak RM3,140,218.

Jadual 32 Parameter Utama Subsektor Akuakultur, Kuala Nerus, 2023

Daerah/ Unit	Bilangan Pegangan Pertanian			Keluasan (hektar)	Kuantiti Pengeluaran	Kuantiti Jualan	Nilai Jualan (RM)
	Jumlah	Individu	Pertubuhan				
Kuala Nerus	65	62	3	8	-	-	3,140,218
Tan metrik	-	-	-		378	344	3,076,583
Ekor	-	-	-		3,730	3,689	63,635

Subsektor Perhutanan dan Pembalakan

Subsektor perhutanan dan pembalakan merekodkan sebanyak dua pegangan pertanian individu. Kuantiti pengeluaran dan jualan bagi hasil hutan bukan kayu mencatatkan nilai yang sama iaitu sebanyak 551 kilogram. Nilai jualan secara keseluruhan adalah sebanyak RM8,000.

Jadual 33 Parameter Utama Subsektor Perhutanan & Pembalakan, Kuala Nerus, 2023

Daerah/ Unit	Bilangan Pegangan Pertanian			Kuantiti Pengeluaran	Kuantiti Jualan	Nilai Jualan (RM)
	Jumlah	Individu	Pertubuhan			
Kuala Nerus	2	2	-	-	-	8,000
Kilogram	-	-	-	551	551	8,000
Meter padu	-	-	-	-	-	-



Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong



ARTIKEL

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

Rencana 1:

Analisis Pola Pengeluaran Padi dan Faktor-Faktornya di Negeri Terengganu¹

Disediakan oleh:

¹Nur Aliya Natasha Jusoh ²Norhaizan Mohd Basri ³Marlini Sahul Hamid

^{1,2,3}Jabatan Perangkaan Malaysia, Terengganu

1.0 Abstrak

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk menganalisis pola pengeluaran padi dan faktor-faktornya di negeri Terengganu. Keadaan geografi yang sesuai di daerah Besut dan Setiu menjadikan Terengganu menjadi tempat yang strategik untuk penanaman padi. Pengeluaran padi di Terengganu berperanan penting dalam membantu meningkatkan ekonomi dan memenuhi keperluan ruji kepada negara. Kajian ini, akan menjelaskan perubahan pengeluaran padi di Terengganu seiring dengan waktu. Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji pola pengeluaran padi di Terengganu dari tahun 2013 hingga 2022 serta mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi pengeluaran padi di Terengganu berdasarkan penemuan kajian. Kajian ini menggunakan data sekunder utama dari Jabatan Pertanian Malaysia dan Jabatan Perangkaan Malaysia yang meliputi data siri masa dari tahun 2013 hingga tahun 2022. Analisis kajian ini menggunakan regresi linear berganda untuk menganalisis hubungan antara dua pembolehubah iaitu jumlah pengeluaran padi dengan keluasan bertanam, bilangan pesawah, harga malar padi dan pengeluaran beras. Hasil dapatan kajian mendapati pengeluaran padi dipengaruhi oleh pengeluaran beras, bilangan pesawah padi, harga malar padi serta luas bertanam. Penambahbaikan ini boleh dilakukan dengan memanjangkan tempoh data siri masa dan data pembolehubah lain bagi mengenalpasti faktor yang memberi kesan kepada pengeluaran padi setiap tahun.

2.0 Latar Belakang

Dalam tempoh lima dekad yang lalu, Malaysia berjaya menjadi antara negara yang terbaik di Asia dalam pencapaian pertumbuhan ekonomi walaupun menghadapi pelbagai cabaran dan kejutan ekonomi. Pertumbuhan KDNK benar adalah stabil pada kadar 6.2% setahun sejak tahun 1970. Malaysia berjaya mentransformasi struktur ekonomi daripada ekonomi berasaskan pertanian dalam dekad 1970-an kepada ekonomi berasaskan pembuatan pada pertengahan dekad 1980-an dan kepada perkhidmatan moden dalam dekad 1990-an. Malaysia membangun daripada ekonomi berpendapatan rendah dalam dekad 1970-an kepada ekonomi berpendapatan sederhana tinggi mulai tahun 1992 dan kekal sehingga kini (Rancangan Malaysia Ke-11).

Ekonomi Tanah Melayu telah berkembang pesat sejak peringkat pra-penjajahan. Kedudukan geografi Semenanjung Tanah Melayu yang strategik di persimpangan laluan Selat Melaka dan memiliki muara sungai yang sesuai sebagai pelabuhan semula jadi memberikan kelebihan besar serta memberi peluang kepada penduduk setempat untuk bergiat cergas dalam bidang perkhidmatan dan perdagangan. Pada era penjajahan, corak campur tangan kuasa-kuasa Eropah telah mengalami perubahan setelah termeterainya perjanjian Inggeris-Belanda (1824)

¹ Penulisan ini adalah inisiatif penulis berdasarkan pandangan yang diperoleh dari pengumpulan data dan bahan bacaan ilmiah berkaitan aktiviti pertanian yang dikaji. Pandangan yang dikemukakan tidak semestinya mewakili pandangan Jabatan Perangkaan Malaysia.

dan telah berjaya meluaskan perdagangan di Tanah Melayu. Aktiviti ekonomi pada ketika itu tertumpu kepada perdagangan, pertanian (kecil-kecilan) dan perlombongan (Rahman et al., 2009).

Menjelang Perang Dunia Kedua, kegiatan ekonomi eksport telah memainkan peranan penting dengan penumpuan kepada pengeluaran getah dan bijih timah. Manakala di Sabah, penumpuan dibuat kepada kayu balak dan di Sarawak pula, lada hitam dan petroleum. Kesan dasar ekonomi penjajah British selama 90 tahun yang menimbulkan dwi-ekonomi di mana kaum bukan bumiputera dibiarkan maju dalam ekonomi moden, iaitu perniagaan, pembuatan, pengeluaran getah dan perlombongan bijih timah yang memberi pendapatan yang tinggi, manakala bumiputera dibiarkan bergiat terus dalam ekonomi pertanian tradisional (Rahman et al., 2009).

Pada tahun 1837, Abdullah bin Abdul Kadir Munsyi dalam bukunya Kisah Pelayaran Abdullah menyebut bahawa Terengganu menjadi antara negeri pengeksport tanaman dan binatang dimana ianya dieksport terus ke Singapura dan Thailand, namun perkhidmatan ini dalam industri belum diperluas. Pada era 1956 hingga 1990, sektor pertanian di Terengganu merupakan kegiatan utama rakyat Terengganu yang bersifat tradisional dan berskala kecil, dengan tumpuan kepada tanaman padi dan sebagainya (Jusoh, 2016). Industri penanaman, perikanan dan penternakan merupakan sumber pendapatan bagi penduduk di Terengganu (Abd Wahab et al., 2021). Sistem tadahan air hujan, penggunaan tenaga manusia serta haiwan, dan penggunaan sampan adalah antara kaedah pertanian tradisional yang digunakan dahulu, dengan teknologi yang sangat minima.

Kemajuan teknologi dan perubahan ekonomi, sektor pertanian di Terengganu kini telah berkembang menjadi lebih moden termasuklah dengan adanya industri akuakultur yang mampu menampung makanan seperti ikan pada musim tengkujuh. Pertanian di Terengganu diusahakan secara megah dengan adanya teknologi moden dan teknik pertanian pintar seperti teknologi IoT, mesin penuaian dan baja kimia yang membantu meningkatkan hasil dan produktiviti tanaman (Rosli, 2021).

Terengganu, sebagai salah satu negeri yang mengeluarkan padi di Malaysia, mempunyai sejarah pertanian padi yang kaya dan warisan budaya yang berkaitan (Man & Yee, 2023). Daerah Besut merupakan kawasan pengeluar utama bagi padi, kelapa sawit, tembakau dan buah-buahan bagi Negeri Terengganu. Keadaan ini berlaku disebabkan kelebihan persaingan dari segi kesesuaian tanah dan juga tenaga kerja. Menurut Harian Metro, hanya 900 hektar daripada 12,000 hektar keluasan padi yang diusahakan. Perancangan yang dilakukan bagi meningkatkan pengeluaran padi adalah dengan memperluas kawasan jelapang padi daripada 5,000 hektar kepada 10,000 hektar. Terdapat empat kilang⁴ yang beroperasi di Terengganu yang mula beroperasi pada April 2020 (Super User, 2020). Kilang ini dilihat dapat menampung keperluan pemprosesan pengeluaran padi bersih iaitu sekitar 60,000 metrik tan setahun.

⁴ Kilang Padi Bukit Kor di Marang, Kilang Bernas di Bukit Kenak, Jerneh dan Kilang Mutiara Timur di Kerandang, Jabi selain Kilang Konsortium Lembaga Pertubuhan Peladang di Baruh Masin Jabi

Carta 2(a) : Sumbangan Nilai Ditambah Sektor Pertanian bagi Padi Negeri Terengganu dari tahun 2015 hingga 2022



Pada tahun 2022, sumbangan KDNK pertanian di Negeri Terengganu telah mencatatkan penurunan sebanyak 7.0% berbanding 7.8% pada tahun 2021 manakala tanaman padi menurun kepada 1.6% berbanding 1.8% pada tahun 2021. Aktiviti pertanian ini tidak hanya menyumbang kepada pembekalan beras domestik, tetapi juga menjadi asas kepada ekonomi komuniti petani di seluruh negeri. Laporan dari Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) 2023 menunjukkan bahawa jumlah penduduk Terengganu pada tahun 2023 meningkat kepada 1,209.4 ribu berbanding 1,186.6 ribu pada tahun 2022 dengan kadar pertumbuhan penduduk tahunan sebanyak 1.9 peratus. Peningkatan jumlah penduduk ini perlulah seiring dengan pengeluaran pertanian sebagai sumber makanan kepada penduduk setempat.

3.0 Penyataan Masalah

Dalam beberapa tahun terakhir, Terengganu mengalami penurunan dalam pengeluaran padi yang dipengaruhi oleh pelbagai faktor dari perubahan alam sekitar hingga dinamika sosio-ekonomi (Jusoh, 2016). Memahami kompleksiti ini adalah penting untuk merangka strategi yang berkesan bagi mengatasi cabaran yang dihadapi oleh sektor pertanian padi di negeri ini. Berdasarkan Dasar Urbanisasi Negara, proses pembangunan bandar yang dirancang akan memberi kesan kepada sektor-sektor lain disebabkan oleh perbandaran dan perubahan guna tanah yang pesat. Keadaan ini juga turut menyebabkan berlakunya percanggahan guna tanah khususnya tanah pertanian (Tahir, 2017). Hal ini menyebabkan pengurangan kawasan sawah padi yang boleh diusahakan.

Harga padi yang malar dan tidak sepadan dengan kos pengeluaran turut memberi kesan negatif kepada pendapatan pesawah. Kos produksi yang tidak setanding dengan pengeluaran menyebabkan pekerjaan ini semakin ditinggalkan terutama oleh generasi muda (Noor, 2012).

Akibatnya, pengeluaran beras negara tidak dapat memenuhi permintaan domestik, sekaligus menimbulkan keperluan untuk meningkatkan import beras. Perbezaan yang ketara ini menunjukkan kebergantungan Terengganu terhadap beras import untuk memenuhi permintaan domestik, mencerminkan kekurangan dalam pengeluaran tempatan bagi menampung keperluan penduduk. Kajian ini bertujuan untuk melihat kebergantungan pengeluaran padi terhadap faktor seperti keluasan bertanam, bilangan pesawah, harga malar padi dan pengeluaran beras.

4.0 Sorotan Literatur

Tanaman padi merupakan penyumbang penting kepada ekonomi Malaysia, namun pengeluarannya dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti keluasan bertanam, bilangan pesawah, harga malar padi dan pengeluaran beras.

Keluasan tanaman padi memainkan peranan penting dalam menentukan jumlah pengeluaran padi. Menurut kajian oleh Mahmud et al. (2018), peningkatan keluasan tanaman padi secara langsung menyumbang kepada peningkatan jumlah pengeluaran. Walau bagaimanapun, faktor seperti perubahan iklim dan kemarau yang berpanjangan boleh menyebabkan pengurangan keluasan kawasan yang sesuai untuk penanaman padi. Kajian ini juga menunjukkan bahawa usaha kerajaan dalam membuka lebih banyak kawasan jelapang padi dan pengenalan teknologi pertanian baru mampu meningkatkan keluasan tanaman dan seterusnya, pengeluaran padi.

Bilangan pesawah padi juga merupakan faktor utama yang mempengaruhi pengeluaran padi di Malaysia. Kajian oleh Rahman et al. (2017) menunjukkan bahawa terdapat penurunan bilangan pesawah disebabkan oleh migrasi ke sektor bukan pertanian dan kos input pertanian yang tinggi. Pengurangan bilangan pesawah ini memberi kesan negatif kepada pengeluaran padi.

Jadual 2(a): Penengah dan Purata Gaji Mengikut Sektor di Malaysia

Sektor / Tahun	2019		2020	
	Median (Penengah)	Min (Purata)	Median (Penengah)	Min (Purata)
Pertanian	RM 1,531	RM 1,997	RM 1,291	RM 1,598
Pembinaan	RM 2,169	RM 2,854	RM 1,856	RM 2,557
Perindustrian	RM 1,967	RM 2,616	RM 1,908	RM 2,542
Perkhidmatan	RM 2,672	RM 3,426	RM 2,268	RM 3,103
Pertombongan	RM 3,968	RM 6,154	RM 3,402	RM 5,064

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jika dilihat dari **Jadual 2(a)**, penengah dan purata gaji bulanan pekerja sektor pertanian adalah yang paling rendah jika dibandingkan dengan sektor-sektor lain. Tambahan lagi, purata gaji dan upah sektor pertanian menurun berbanding tahun sebelumnya. Ini sekaligus menjadikan sektor pertanian sebagai sektor yang paling tidak menarik minat golongan belia untuk menceburinya (Chamhuri et al., 2022).

Harga malar padi, yang diselaraskan untuk menghapuskan kesan inflasi, memainkan peranan penting dalam menentukan keuntungan dan kestabilan pendapatan pesawah. Kajian oleh Ismail & Rahim (2017) menunjukkan bahawa penetapan harga malar yang stabil dapat membantu mengekalkan daya saing sektor padi dan memastikan pendapatan pesawah tidak terjejas oleh perubahan harga pasaran. Dengan harga malar yang menguntungkan, pesawah lebih bersemangat untuk meningkatkan pengeluaran padi mereka. Dasar harga yang efektif juga memastikan bahawa kos input yang semakin meningkat tidak mengurangkan pendapatan pesawah secara signifikan.

Pengeluaran beras adalah indikator utama kejayaan sektor padi di Malaysia. Kajian oleh Zaman et al. (2016) menunjukkan bahawa pengeluaran beras dipengaruhi oleh jumlah padi yang dituai dan efisiensi proses pemprosesan. Teknologi pemprosesan yang moden dan kilang beras yang beroperasi dengan efisien dapat meningkatkan jumlah beras yang dihasilkan daripada jumlah padi yang sama. Faktor lain termasuk kualiti padi yang dihasilkan dan amalan pertanian yang baik. Pengeluaran beras yang tinggi juga bergantung kepada kestabilan harga dan dasar-dasar kerajaan yang menyokong sektor pertanian padi.

5.0 Metodologi Kajian

5.1 Sumber Data

Sumber data utama yang digunakan adalah data siri masa bagi pengeluaran padi sawah, keluasan bertanam padi, bilangan pesawah, harga malar padi dan pengeluaran beras bagi Negeri Terengganu yang dikeluarkan oleh Jabatan Pertanian Malaysia dan Jabatan Perangkaan Malaysia. Data dalam kajian ini diperoleh dari data sekunder iaitu *Booklet* Statistik Tanaman 2023, Laporan Sosioekonomi Negeri Terengganu 2020, Laporan Penyiasatan Pengeluaran Padi Malaysia Tahun 2020/2021, Perangkaan Agromakanan 2022 dan 2018 dan Laporan Tahunan 2013. Data siri masa yang digunakan adalah meliputi dari tahun 2013 hingga 2022.

5.2 Metodologi

Kajian ini dilaksanakan bagi mengenalpasti hubungan antara jumlah pengeluaran padi di Negeri Terengganu dengan keluasan bertanam padi, bilangan pesawah, harga malar padi dan pengeluaran beras bagi tempoh 10 tahun. Kaedah analisis yang digunakan adalah kaedah analisis *Pearson Product Moment*, yang merupakan kaedah statistik bertujuan untuk mengukur kekuatan hubungan antara pembolehubah X dan pembolehubah Y (Sekaran & Bougie, 2005). Hubungan antara pembolehubah dikategorikan seperti berikut (Turney, 2022).

Jadual 2 : Nilai Korelasi dan Tafsiran Deskriptif


Nilai Korelasi (r)	Tafsiran Deskriptif
1	Korelasi linear positif sempurna
0.7 → 0.99	Korelasi linear positif tinggi
0.3 → 0.69	Korelasi linear positif sederhana
0.1 → 0.29	Korelasi linear positif rendah
0	Tiada Korelasi
-0.1 → -0.29	Korelasi linear negatif rendah
-0.3 → -0.69	Korelasi linear negatif sederhana
-0.7 → -0.99	Korelasi linear negatif tinggi
-1	Korelasi linear negatif sempurna

6.0 Hasil dan Penemuan


Carta 2(b): Pengeluaran Padi dan Keluasan Bertanam dari tahun 2013 hingga 2022




Carta 2(c): Pengeluaran Padi dan Bilangan Pesawah Padi dari tahun 2013 hingga 2022



Carta 2(d): Pengeluaran Padi dan Harga Malar Padi dari tahun 2013 hingga 2022



Carta 2(e): Pengeluaran Padi dan Pengeluaran Beras dari tahun 2013 hingga 2022



Sumber : Jabatan Pertanian Malaysia dan Jabatan Perangkaan Malaysia

Carta-carta ini menunjukkan bahawa pengeluaran padi di Terengganu dipengaruhi oleh gabungan faktor-faktor seperti keluasan bertanam, bilangan pesawah, harga malar dan pengeluaran beras. Pola pengeluaran padi di Malaysia dari tahun 2013 hingga 2022 menunjukkan variasi yang signifikan dengan beberapa faktor utama yang mempengaruhi perubahan tersebut iaitu keluasan bertanam, bilangan pesawah, harga malar padi dan pengeluaran beras. Pada tahun 2013, pengeluaran padi, harga malar padi, dan pengeluaran beras berada di paras minima. Justeru itu, kerajaan telah memperkenalkan pembangunan kawasan tanaman baru⁵ dan tahap sara diri beras tempatan⁶ yang ditetapkan pada 70% menurut Rancangan Malaysia Ke-10 pada tahun 2010. Peningkatan pengeluaran padi pada tahun 2014 dan 2015 seiring dengan peningkatan keluasan bertanam, harga malar padi, dan pengeluaran beras kecuali bilangan pesawah padi yang sedikit menurun. Peningkatan ini seiring dengan insentif kerajaan seperti Skim Subsidi Harga Padi (SSHP), Skim Subsidi Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP), dan Insentif Pengeluaran Padi (IPP) (Zaman et al., 2014).

Namun, pada tahun 2016, pengeluaran padi menurun sejajar dengan pengeluaran beras. Fenomena El Nino yang berlaku pada tahun tersebut menyebabkan musim kemarau yang panjang dan menjejaskan hasil tanaman padi secara signifikan (Akhir, 2016). Laporan oleh Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) turut menunjukkan bahawa perubahan cuaca yang ekstrem memberi kesan negatif kepada pengeluaran padi. Pada tahun 2017, penurunan pola menjadi lebih ketara terutamanya pengeluaran padi, bilangan pesawah dan pengeluaran beras. Faktor-faktor seperti kos operasi yang tinggi, keuntungan yang tidak seimbang serta kenaikan kos input pertanian seperti baja dan racun perosak mempengaruhi bilangan pesawah padi pada tahun tersebut.

Pada tahun 2018, pengeluaran padi dan faktor-faktor lain meningkat selaras dengan usaha kerajaan negeri yang memperkenalkan Skim Bantuan Tani. Tambahan pula, Dasar Agromakanan Negara (DAN) 2011-2020 yang diperkenalkan oleh Kerajaan Persekutuan turut menyokong pertumbuhan ini. Walau bagaimanapun, penularan COVID-19 pada tahun 2019 telah menjejaskan ekonomi global termasuk Malaysia. Sekatan pergerakan dan langkah kawalan akibat wabak COVID-19 seperti Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah menyebabkan kesukaran dalam penghantaran input pertanian seperti baja dan benih kepada pesawah. Hal ini juga menghadkan akses kepada tenaga kerja untuk penanaman dan penuaian padi, seterusnya menjejaskan pengeluaran padi dan beras.

Pengeluaran padi, keluasan bertanam, harga malar padi dan pengeluaran beras menunjukkan peningkatan meskipun menghadapi cabaran pandemik pada tahun 2020. Peningkatan ini disebabkan oleh langkah-langkah pemulihan dan sokongan Kerajaan. Pada tahun 2021, keluasan bertanam dan harga malar padi mencapai titik tertinggi manakala pengeluaran padi, bilangan pesawah dan pengeluaran beras berlakunya penurunan. Polisi pertanian Malaysia pada tahun tersebut tertumpu kepada meningkatkan produktiviti dan keberlanjutan sektor pertanian melalui inisiatif seperti Program Strategik Pertanian Negara (PSPN) dan Skim Insentif Pertanian. Kerajaan juga memperkenalkan Program Pengeluaran Beras Teras (SRI) dan menyokong teknologi moden serta penggunaan input yang lebih cekap untuk meningkatkan hasil padi dan mengurangkan kebergantungan terhadap beras import.

⁵ Pembangunan kawasan tanaman baru merujuk kepada usaha membuka dan menyediakan tanah baru untuk aktiviti pertanian yang belum pernah digunakan.

⁶ Tahap sara diri beras tempatan merujuk kepada peratusan keupayaan negara untuk memenuhi keperluan beras domestik melalui pengeluaran sendiri tanpa bergantung kepada import.

